

Jilid I  
Bil. 14



Hari Selasa  
4hb Januari, 1983

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL PERTAMA**  
*First Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 1497]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Bank Islam [Ruangan 1526]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM—DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.S.M., P.N.B.S.,  
B.K.T., P.P.T. (Dilantik).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO HAJI MOHAMED BIN  
NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Timbalan Yang Dipertua, DATO' SULAIMAN BIN NINAM SHAH,  
S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K.  
(Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M.,  
D.S.W., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N.  
(Dilantik)
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN BASHARON BIN HANAPIAH (Dilantik).
- „ DATO' CHIN KIM YOONG, D.P.C.M., A.M.P., P.P.T. (Perak).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., P.M.K.,  
J.P. (Dilantik).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., J.M.N., P.I.S.,  
B.S.I., J.P. (Johor).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis).
- „ DATO' S. GOVINDARAJ, D.P.M.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik).
- „ PUAN HASNAH BINTI HAJI MOHD. KASIM *alias* HASNAH FATIMAH  
BINTI HAJI MOHD. KASIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN H'NG HUNG YONG (Dilantik).

- Yang Berhormat TUAN HAJI IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- „ TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang).
- „ DATO' ISMAIL BIN HASHIM, D.P.M.S., K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik).
- „ DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah).
- „ PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN (Dilantik).
- „ TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik).
- „ DATO' KAM WOON WAH, D.I.M.P., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN SYED KAMARULZAMAN BIN SYED BAHALDIN ALJAMLUD, K.M.N., A.M.N. (Selangor).
- „ TUAN KEE YONG WEE (Dilantik).
- „ TUAN KENNETH KANYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak).
- „ DATO' KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TUAN LOH KEE PENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang).
- „ DATIN HAJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- „ DATO' HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).
- „ DATO' HAJI MOHD. NOR MOHAMAD, D.P.M.S., K.M.N., S.M.T., S.M.S., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN M. K. MUTHUSAMY, K.M.N., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Dilantik).
- „ PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH (Dilantik).
- „ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik).

Yang Berhormat DATO' G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

- „ PUAN ROGAYAH BINTI ARIFF, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI SHAHAROM BIN MAASOM (Dilantik).
- „ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., S.M.K., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).
- „ TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik).
- „ TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).
- „ DATO' WONG SENG CHOW, A.M.N. J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN HAJI YAACOB BIN HAJI ENSKU YUNUS, P.P.N. (Kelantan).
- „ DATO YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU, D.P.M.S. (SELANGOR).
- „ TAN SRI DATUK YEH PAO TSU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ TAN SRI ZAITON IBRAHIM BIN AHMAD, P.S.M. (Dilantik).

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Selasa, 4hb Januari, 1983

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

PAMERAN PERDAGANGAN DI  
CANTON—KELONGGARAN  
SEKATAN

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Loo Swee Mok:** Tuan Yang Dipertua soalan No. 1.

1. **Tuan Loo Swee Mok** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau ingin melonggarkan sekatan-sekatan yang dikenakan kepada setengah peniaga-peniaga Malaysia yang ingin menghadiri pameran-pameran perdagangan di Canton dan lain-lain pameran perdagangan di Negeri China.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed):** Tuan Yang Dipertua, sukalah saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa hubungan antara Malaysia dengan Republik Rakyat China (RRC) pada masa ini adalah masih lagi atas dasar hubungan antara Kerajaan dengan Kerajaan dan tidak atas dasar hubungan antara rakyat dengan rakyat. Namun begitu terdapat beberapa kategori rakyat kita

yang dibenarkan untuk melakukan lawatan ke Republik Rakyat China. Salah satu kategori yang dibenarkan ialah syarikat-syarikat peniaga-peniaga kita yang ingin menghadiri pameran perdagangan di Canton.

Bagi syarikat-syarikat dan peniaga-peniaga tempatan yang ingin menghadiri Pameran Perdagangan di Canton, mereka adalah dikehendaki menyalurkan permohonan mereka melalui PERNAS Trading Sdn Bhd. Segala permohonan itu akan ditapis oleh Jawatankuasa Pemilihan Pameran Perdagangan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Sekiranya mereka dapat memenuhi syarat-syarat dikenakan oleh Jawatankuasa itu tanpa apa-apa halangan dari sudut tapisan keselamatan, mereka akan dibenarkan membuat lawatan ke Pameran Perdagangan Canton itu.

Sekatan keselamatan masih perlu dikenakan kepada syarikat-syarikat peniaga-peniaga tempatan yang ingin menghadiri Pameran Perdagangan Canton demi memelihara keselamatan negara. Ini dilaksanakan memandangkan kepada hakikat bahawa tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan pihak berkuasa di Republik Rakyat China mengambil sesuatu tindakan untuk memutuskan perhubungan serta sokongan Parti komunis China terhadap perjuangan Parti Komunis Malaya.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri beliau tadi telah diterangkan syarat-syarat untuk

syarikat-syarikat yang hendak pergi ke Canton Trade Fair itu ataupun ke negeri China, saya ingin bertanya kepada beliau apakah syarat-syaratnya. Soalan kedua, sejak perhubungan Malaysia dengan negeri China, perhubungan perniagaan ini berapa ramaikah jumlah yang telah pergi ke Canton Trade Fair sehingga ke hari ini?

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, bagi menjawab bahagian kedua daripada soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dahulu, sukalah saya beritahu satu per satu:

- (1) Pameran Perdagangan Canton Muslim Luruh 1978, jumlah mereka yang menghadiri Pameran Perdagangan itu ialah 184 orang peniaga tempatan.
- (2) Bagi Pameran Perdagangan Canton Musim Bunga 1979 jumlahnya 129 orang peniaga tempatan dan juga pada Pameran Perdagangan Canton Musim Luruh 1979 sebanyak 140 orang peniaga tempatan telah menghadiri pameran perdagangan ini.
- (3) Sebanyak 318 peniaga tempatan telah menghadiri Pameran Perdagangan Canton Musim Bunga 1980 dan pada Musim Luruh 1980 sebanyak 231 peniaga tempatan telah menghadiri Pameran perdagangan itu.
- (4) Dan juga pada musim Bunga 1981, 352 peniaga tempatan dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah menghadiri pameran yang tersebut.
- (5) Akhirnya di Musim Luruh 1982 sejumlah 343 peniaga tempatan dari Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak telah menghadiri Pameran tersebut.

Berhubung dengan syarat-syarat yang dikenakan untuk mereka yang hendak menghadiri Pameran Perdagangan yang disebutkan itu, sebenarnya ada banyak. Kita ada Jawatankuasa Memilih berkaitan dengan langkah-langkah yang perlu diambil, siapa yang sepatutnya dibenarkan untuk menghadiri Trade Fair di Canton itu, dan salah satu daripada perkara yang penting ialah berhubung dengan tapisan keselamatan. Jika kita mendapat kelulusan daripada pihak keselamatan, maka permohonan mereka akan dipulangkan semula kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Selepas itu kelulusan akan dikeluarkan bagi mereka yang hendak pergi ke Canton bagi menghadiri Trade Fair tersebut.

## SUBSIDI NELAYAN

**2. Puan Ragayah Ariff** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada benar bahawa ada Jabatan Pertanian di sebuah negeri yang telah menyembunyikan subsidi serta maklumat penting kepada nelayan-nelayan yang memerlukan pertolongan, kalau ya, apakah tindakan yang telah diambil berkaitan dengan perkara tersebut.

**Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, tidak benar. Walau bagaimanapun, kalau Ahli Yang Berhormat ada maklumat tertentu, saya sedia menerima laporan supaya tindakan sewajarnya dapat diambil.

## SISTEM PEMBUANGAN SAMPAH—PENGUASA TEMPATAN

**3. Tuan M. K. Muthusamy** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada

beliau sedar tentang keadaan yang kurang memuaskan bagi memungkah dan membuang sampah sarap di bandar-bandar besar dan kecil di Negara kita oleh kerana keadaan ini membiakkan nyamuk, serangga-serangga yang lain dan tikus, yang membawa penyakit-penyakit berjangkit dan sama ada apa-apa rancangan beliau akan ambil untuk mengatasi keadaan ini dan jangka masa yang dikehendaki bagi rancangan ini.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar):** Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar tentang masalah pelupusan sampah-sampah yang bertambah bukan sahaja daripada segi kuantiti tetapi juga dari segi jenisnya.

Di peringkat Tempatan, setiap Penguasa Tempatan memang mempunyai sistem memungkah dan membuang sampah-sarapnya yang tersendiri. Memandangkan cara pemungutan dan pembuangan sampah-sarap menjadi semakin rumit mengikut peredaran masa, pihak penguasa tempatan telah dan sedang mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk memperbaiki keadaan ini.

Langkah-langkah yang diambil oleh Penguasa Tempatan adalah seperti berikut:

- (1) mencuba cara-cara baru dan memodenkan cara-cara pungutan sampah yang telah diperolehi melalui seminar-seminar dan kursus latihan kakitangan pengurusannya yang berkenaan agar perkhidmatan yang lebih berkesan dapat diadakan;
- (2) menambahkan jumlah buruh-buruh supaya pungutan sampah dapat dijalankan dengan lebih sempurna dan acap;

- (3) mengadakan dan menetapkan kawasan-kawasan yang sesuai untuk pelupusan sampah sarap;

- (4) sentiasa mengkaji dan mempertimbangkan sistem alternatif bagi pelupusan sampah seperti mengadakan loji-loji tertentu untuk pelupusan sampah sekiranya terdapat kawasan-kawasan pembuangan pungutan sampah yang sedia ada kurang memuaskan;

- (5) mengadakan kempen-kempen kebersihan untuk menggalakkan kerjasama dari pihak orang awam dan penghuni-penghuni rumah di mana penyertaan orang-orang ramai dalam tindakan-tindakan Kerajaan ini adalah penting demi untuk kebaikan semua pihak.

**Dato' Ismail bin Hashim:** Tuan Yang Dipertua, soalan saya adakah Kementerian sedar berkenaan dengan kerja-kerja mengangkut sampah dan memungkah sampah yang dilakukan oleh Kerajaan Tempatan di satu-satu kawasan perbandaran ataupun daerah yang mana kita pastikan bahawa rakyat-rakyat begitu jijik sekali memandangkan sampah bertaburan berhari-harian dan apakah tindakan Kementerian dari segi Kementerian yang telah berhubung rapat dengan Kerajaan Negeri khususnya dari segi pentadbiran Kerajaan-kerajaan Tempatan di dalam negara kita ini. Apakah cara-cara yang dapat mengatasi masalah ini supaya perkara-perkara yang begitu sekali dapat diatasi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menerangkan apakah cara untuk menyelamatkan dari pandangan rakyat jelata khususnya dan juga pelancong-pelancong yang melawat di dalam negara kita ini supaya tidak berleluasa dalam masalah pengangkutan sampah ini?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang Dipertua, kerajaan ataupun Kementerian boleh mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk mengindahkan kawasan-kawasan Penguasa Tempatan itu tetapi sekiranya rakyat jelata tidak bersamasama menyertai di dalam rancangan ini nampaknya rasa saya apa yang dirancang oleh Kerajaan itu akan gagal. Jadi, di sinilah letaknya kerjasama kita semua yang ada di dalam Dewan ini untuk sama-sama mendidik dan melatih rakyat jelata supaya mencintai alam persekitaran.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya hendak membangkitkan berkenaan dengan bukan dalam perkara kelalaian pihak rakyat jelata tetapi kurang tadbir pihak Kerajaan, seumpama mengadakan tong-tong sampah yang kecil. Biasanya pihak rakyat apakala ada tong-tong sampah yang disediakan itu mereka membuang sampah-sampah dalam tong itu maka banyaklah macam sisa-sisa makanan dicurahkan di situ. Apakala tong sampah itu kecil maka sisa-sisa makanan itu melempah ke jalan-jalan raya menjadi rebutan kepada anjing-anjing dan sebagainya, membawa penyakit.

Tidakkah ada satu jalan daripada pihak Kementerian berhubung dengan pihak Kerajaan Tempatan bagaimana cara-cara hendak menghindarkan perkara yang seumpama ini kerana pihak Kementerian ada mempunyai wang yang banyak, kadang-kadang Kerajaan Tempatan itu miskin. Tidakkah boleh diberi peruntukan yang besar kepada Kerajaan Tempatan itu supaya menyediakan perkakas-perkakas yang boleh mengatasi perkara ini. Seumpamanya sekarang ini zaman moden boleh dibekalkan di rumah-rumah di bandar dengan beg-beg plastik, diberi percuma beg-beg plastik itu di rumah-rumah dalam bandar supaya sampah-sampah itu disimpan dalam beg plastik

itu dicampak di dalam tong sampah itu. Kalau ada sisa-sisa makanan pun tidaklah berselerak di atas jalan raya itu. Itu berhajat kepada belanja. Saya tumpang bertanya, belanja ini tidakkah boleh dikeluarkan oleh pihak Kementerian diberi misalnya subsidi kepada Kerajaan Tempatan itu kalau Kerajaan Tempatan tidak mempunyai wang bagi memelihara keselamatan rakyat jelata?

**Puan Napsiah binti Omar:** Tuan Yang Dipertua, untuk menyediakan beg-beg plastik ini kepada tiap-tiap buah rumah di dalam negara kita ini, rasa saya bukannya tidak boleh diadakan, boleh. Masalahnya kewangan. Kalau tiap-tiap rakyat dibekalkan dengan 10 sen satu beg, 14 juta penduduk di negara kita ini, mampukah Kerajaan untuk memberinya?

#### DOKTOR DI HOSPITAL SARAWAK—BILANGAN

**4. Tuan Haji Latip bin Haji Dris** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada bilangan doktor di semua Hospital di negeri Sarawak pada masa ini mencukupi untuk merawat pesakit-pesakit yang kian bertambah.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Tuan Yang Dipertua, pada keseluruhannya negara ini menghadapi kekurangan doktor bukan sahaja di negeri Sarawak bahkan juga di semua negeri. Terdapat sekarang ini 83 orang doktor yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan di negeri Sarawak dan peratusan pengisian Pegawai Perubatan di Sarawak ialah 72 peratus.

Saya rasa bahawa peratusan ini tidak memuaskan dan Kementerian Kesihatan telah mendapatkan kerjasama Fakulti-fakulti Perubatan di universiti-universiti tempatan untuk menambahkan lagi bilangan penuntut-penuntut yang mengikuti kursus

perubatan dalam fakulti-fakulti tersebut.

Dengan itu, saya berharap bahawa dalam masa akan datang Kementerian ini akan mendapatkan lebih ramai lagi doktor-doktor untuk ditempatkan bukan sahaja di Sarawak tetapi juga di seluruh negara.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu dari Menteri Kesihatan adakah Menteri sedar bukan sahaja di Sarawak kekurangan doktor, di bandar-bandar lain di negeri-negeri lain pula ada kekurangan doktor. Misalnya, di Perlis, doktor pada masa ini menjadi masalah di Hospital Besar Kangar. Baru-baru ini banyak kedapatan, ramai doktor-doktor yang berhenti kerja. Apakah sebab-sebabnya? Tidak dapatkah Kementerian Kesihatan mengatasi masalah-masalah yang sering berlaku. Boleh kata dalam akhbar-akhbar selalu disebutkan berkenaan dengan pemberhentian doktor-doktor.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, saya kata tadi, saya sedar bahawa kekurangan doktor bukan sahaja negeri Sarawak bahkan di seluruh negara dan apa sebabnya doktor-doktor berhenti dari perkhidmatan Kerajaan, senang sahaja dijawab, oleh kerana sekarang ini banyak peluang diadakan di dalam pihak swasta untuk pegawai-pegawai ikhtisas membuka klinik-klinik persendirian dan Kerajaan tidak ada halangan jikalau mereka hendak berhenti kerana hendak membuka klinik persendirian oleh kerana mereka diwajibkan selepas mendapat ijazah, untuk berkhidmat dengan Kerajaan selama 3 tahun. Lain-lain golongan pegawai ikhtisas tidak diwajibkan melainkan doktor sahaja dan oleh kerana itu tidaklah adil jikalau kita katakan doktor itu tidak boleh bersara atau tidak boleh berhenti dari perkhidmatan Kerajaan.

Inilah sebabnya yang utama apa sebabnya ada kekurangan doktor dalam perkhidmatan Kerajaan dan bukan dalam pihak swasta.

#### GERAKAN WILAYAH— PERIKANAN PENUBUHAN

**5. Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamed** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian telah menunaikan janjinya yang dibuat di Dewan Negara pada 17hb Disember, 1980 berkenaan "Gerakan Wilayah" iaitu penubuhan empat Wilayah penguatkuasaan di bawah Jabatan Perikanan yang bertujuan untuk mewujudkan suatu sistem penguatkuasaan yang lebih berkesan pada tahun 1981 yang berpangkalan di negeri-negeri Terengganu, Pulau Pinang, Johor dan Selangor dan dilengkapi dengan bot-bot laju untuk mengawal dan melindungi kaum nelayan di Semenanjung Malaysia iaitu menjamin had perairan 12 batu tidak dicerobohi oleh bot-bot nelayan luar dan setiap pengkalan Wilayah tersebut dilengkapi dengan 10 buah bot iaitu 6 buah bot peronda laju dan 4 buah bot peronda biasa;
- (b) jika ya, mengapakah masih berlaku pencerobohan terus menerus oleh bot-bot asing (Thai) di perairan Terengganu dan Kelantan yang telah memusnahkan bubu-bubu ikan nelayan kita;
- (c) jika belum lagi ditubuhkan, nyatakan sebab-sebabnya dan bila ianya akan ditubuhkan;
- (d) sama ada beliau bercadang untuk mengadakan sebuah tabung bencana kepada

nelayan-nelayan sebagaimana yang dibuat kepada penanam-penanam padi di negara ini; dan

- (e) sama ada Kerajaan akan membenarkan bot-bot nelayan kita yang besar membawa senjata seperti meriam kecil, mesyingan dan sebagainya untuk mempertahankan diri dari pencerobohan bot-bot nelayan asing yang dilengkapi dengan senjata sehingga Gerakan Wilayah ditubuhkan.

**Menteri Pertanian (Dato Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang Dipertua, bagi jawapan—

- (a) Empat Gerak Wilayah telah pun ditubuhkan di Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang, Johor Bahru dan Kuala Terengganu. Semenjak Disember, 1980 tiap-tiap Gerak Wilayah telah ditambah bot-bot ronda sebanyak 10 buah bot peronda dan 11 bot peronda laju.
- (b) Memang masih ada berlaku tetapi jumlahnya telah kurang. Oleh kerana kawasan laut kita adalah luas, maka sukar untuk mengawalinya dan mengetahui semua kejadian yang berlaku setiap inci lawatan itu.
- (c) Pada tahun 1981 sebanyak 302 kejadian yang dilaporkan dan tahun 1982 sebanyak 77 kejadian.
- (d) Tidak bercadang mengadakan tabung bencana dan bagi penanam padi pun memang kita tidak ada.
- (e) Tidak ada cadangan demikian.

#### **PENGUNAAN BAHAN MENTAH/ KOMPONEN TEMPATAN**

**6. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada

pengusaha-pengusaha dari Korea dan Jepun menggunkan barang-barang dan alatan yang dikeluarkan di dalam negara ini sendiri semasa mengendalikan perusahaan-perusahaan di sini; jika tidak, apakah tindakan Kerajaan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Shahrir bin Abdul Samad):** Tuan Yang Dipertua, penggunaan bahan mentah dan komponen tempatan adalah merupakan salah satu daripada dasar yang diutamakan dalam perkembangan sektor perkilangan negara kita. Setiap permohonan untuk mendapatkan lesen pengilang di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian adalah dikehendaki juga mengemukakan maklumat mengenai penggunaan bahan tempatan dalam proses pengilangan masing-masing. Seterusnya syarikat-syarikat yang diluluskan lesen pengilang adalah disyaratkan supaya menggunakan bahan tempatan seberapa banyak yang boleh dan tidak kurang daripada paras yang dikemukakan semasa memohon lesen tersebut.

Di samping itu para pengilang yang diluluskan dengan Galakan Taraf Perintis dan Galakan Tempat Kedudukan adalah layak untuk menikmati setahun lagi tempoh pengecualian cukai sekiranya keluaran barang siapnya mengandungi lebih daripada 50% bahan tempatan.

Langkah-langkah lain yang diambil untuk memastikan penggunaan bahan tempatan oleh para pengilang ialah melalui skim cukai impot dan cukai tokok di mana kelonggaran pembayarannya hanya diper-timbangkan bagi bahan-bahan yang tidak diperolehi dari punca-punca tempatan sahaja. Sementara itu beberapa sektor seperti pemasangan kenderaan bermotor adalah tertakluk kepada program penggunaan bahan tempatan yang tertentu. Melalui program ini mana-mana komponen

tempatan yang didapati sesuai dari segi mutu, bekalan dan harga adalah wajib digunakan oleh kilang pemasang kenderaan bermotor.

Keutamaan akan terus diberikan kepada perkembangan perusahaan sokongan dan sampingan supaya perusahaan pengeluaran barang siap akan mencapai kandungan bahan tempatan yang tinggi.

### LANGKAH BERJIMAT-CERMAT

7. **Dato' Yap Peng** minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah jimat-cermat yang dijalankan oleh pihak Kerajaan sehingga ini dalam usaha menghadapi tekanan inflasi dunia sekarang.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, sebagai langkah berjimat-cermat untuk menghadapi tekanan inflasi dan kemelesetan ekonomi dunia, Kerajaan telah mengurangkan Anggaran Perbelanjaan tahun 1982 sebanyak \$3,489 juta. Dari jumlah tersebut sebanyak \$1,230 juta adalah di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus dan \$2,259 juta di bawah Anggaran Perbelanjaan Pembangunan. Di samping itu juga Kerajaan telah mengeluarkan garis-garis panduan kepada semua Kementerian-kementerian, Jabatan-jabatan dan Agensi-agensi untuk mengurangkan perbelanjaan awam. Di antara langkah-langkah yang telah diambil mengikut garis-garis panduan tersebut ialah:

- (a) pembekuan pengisian jawatan dan pengujudan jawatan-jawatan baru khususnya jawatan-jawatan bukan teknikal dalam Kumpulan D;
- (b) pengawalan ketat ke atas peruntukan perjalanan dan pengangkutan di dalam dan di luar negeri bagi pegawai-pegawai awam; dan

(c) penangguhan pelaksanaan projek-projek yang kurang penting keutamaannya dari segi matlamat Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Dato Haji Mohd. Nor Mohamad.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ya.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Berkaitan dengan tekanan inflasi ini, Tuan Yang Dipertua, adalah sebagai disebutkan bahawa peningkatan bekalan wang adalah satu daripada sebab-sebabnya peningkatan inflasi dan baru-baru ini saya sedih membaca dalam suratkhbar bahawa bekalan wang Bank Negara telah meningkat, kalau tidak salah saya sebanyak 17% seperti disiarkan dalam suratkhbar. Jadi daripada kawalan yang disebutkan tadi, saya ingin tahu sama ada Kementerian Kewangan mengawal secara rapi pertumbuhan bekalan wang oleh Bank Negara.

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Ada, Tuan Yang Dipertua.

### PERUNTUKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN UNIVERSITI-UNIVERSITI

8. **Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan menimbang soal mengadakan peruntukan pertama kepada universiti-universiti untuk membiayai kos penyelidikan dan pembangunan (R & D).

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu tidak berbangkit. Walau bagaimanapun untuk pengetahuan

Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi maksud penyelidikan dan pembangunan ada diberikan kepada universiti-universiti tiap-tiap tahun melalui Anggaran Belanjawan Tahunan. Peruntukan ini diberi berasaskan kepada keperluan dan mengikut program pengajian.

Di samping itu juga universiti-universiti ada menerima sumbangan kewangan daripada pihak orang-orang perseorangan, firma-firma dan agensi-agensi Kerajaan bagi menjalankan penyelidikan dalam sesuatu bidang yang dikhususkan oleh pihak yang berkenaan.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Baru-baru ini dalam satu ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkaitan dengan dasar industrialisasi negara kita adalah berkaitan dengan pertumbuhan teknologi atau barang-barang baru dan barang-barang yang lebih tinggi mutunya. Satu daripada jalan untuk mendapat peningkatan ini adalah perbelanjaan atas penyelidikan dan pembangunan (research and development). Jadi bila saya lihat di negara-negara lain—minta maaf saya selalu refer kepada negara lain, sebab ini menjadi satu panduan—di negara-negara lain, Kerajaan-kerajaan mereka memberi bantuan bukan sahaja untuk universiti, tetapi untuk pengusaha-pengusaha dengan secara geran untuk pekerjaan penyelidikan dan pembangunan.

Di sini bukan perkara ini tidak boleh ditimbul, tetapi mesti tertimbul kerana dasar negara kita begitu. Jadi pertanyaan saya di sini ialah sama ada Kerajaan ada rancangan memberi geran sama ada kepada universiti ataupun kepada pengusaha-pengusaha 100% ataupun tiap-tiap 50 sen dibelanja oleh pengusaha 50 sen ditambah oleh Kerajaan untuk meningkatkan mutu pengeluaran kita dan pengeluaran barang-barang yang baru untuk dijual di pasaran antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Sabbaruddin Chik:** Tuan Yang Dipertua, bagi kelima-lima universiti, peruntukan sebanyak lebih kurang \$4.5 juta telah disediakan di dalam Anggaran Belanjawan 1983, bagi maksud penyelidikan ini.

Selain daripada itu juga Universiti Malaya ada mempunyai satu tabung kewangan yang khusus untuk membiayai projek-projek penyelidikan, tetapi universiti-universiti lain tidak ada tabung kewangan seperti itu.

Bagi firma-firma swasta, Kerajaan tidak menyediakan peruntukan sedemikian.

#### TV MALAYSIA—ALIH BAHASA FILEM LUAR NEGERI

**9. Tuan Ishak bin Abdul Rahman** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah kemungkinannya pihak RTM akan mengalihkan bahasa filem-filem luar negeri yang disiarkan di TV Malaysia ke Bahasa Malaysia.

**Timbalan Menteri Penerangan (Dato' Chan Siang Sun):** Tuan Yang Dipertua, RTM akan berusaha untuk mengalih suarakan semua filem-filem rencana dari luar negeri ke Bahasa Malaysia dalam tahun 1983 ini. Walau bagaimanapun, kebanyakan filem-filem cerita dan terutamanya cerita-cerita komedi mustahil bagi kami untuk dialih suarakan 100% kerana ini akan merosakkan jalan cerita dan kekesanannya cerita-cerita tersebut kepada para penuntun. Bagi filem-filem yang demikian RTM akan terus memberi bantuan sarikata (subtitle) supaya penonton-penonton dapat mengikut jalan cerita filem-filem cerita tersebut.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Soalan tambahan. Sungguhpun senikata (subtitle) yang telah diadakan untuk filem-filem yang dikeluarkan pada hari ini adakah pihak Kementerian Penerangan sedar senikata itu kadangkala tidak sesuai

dengan kata-kata asal yang dicakapkan oleh bahasa yang asalnya. Adakah pihak Kementerian menyedari hal ini, jikalau sedar bagaimana keadaan untuk memperbaikinya.

**Dato' Chan Siang Sun:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar perkara ini berlaku; kalau ada dan kalau boleh tunjukkan, kita tentu baikan perkara itu.

### SEKOLAH RENDAH KEBANGSAAN DIKENALI SEKOLAH KEBANGSAAN

**10. Tuan Ibrahim bin Salleh:** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang supaya Sekolah Rendah Kebangsaan yang ada sekarang ini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan saja.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Dr Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang supaya Sekolah Rendah Kebangsaan yang ada sekarang ini dikenali sebagai Sekolah Kebangsaan.

### DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

**11. Tuan D. P. Vijandran** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah dasar Kebudayaan Kebangsaan dan adakah unsur-unsur kebudayaan ini telah ditentukan dan jika ya:

- (i) siapakah yang telah menentukan sifat-sifat kebudayaan ini;
- (ii) apakah jangka masa yang difikirkan untuk mewujudkan kebudayaan kebangsaan ini; dan

(iii) sama ada unsur-unsur kebudayaan orang-orang keturunan China dan India akan dikandungi dalam mewujudkan kebudayaan ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi):** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan seumpama ini telah beberapa kali dikemukakan dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan jawapan-jawapan beberapa kali telah diberikan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Kebudayaan Kebangsaan Malaysia adalah berasaskan kepada 3 prinsip seperti berikut:

- (1) kebudayaan kebangsaan hendaklah berteraskan kepada kebudayaan rakyat asal rantau ini;
- (2) unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur kebudayaan kebangsaan;
- (3) Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan itu.

Kebudayaan adalah sesuatu yang bersifat sejagat (universal). Setiap kebudayaan mempunyai unsur-unsur umum yang asas sebagaimana yang banyak dihuraikan oleh para pengkaji anthropology dan sociology. Setiap kebudayaan mempunyai sistem idea, sistem perlakuan, kebendaan (material culture) dan kesenian, akan tetapi sifat-sifat setiap unsur itu adalah berbeza mengikut suasana dan keadaan sesuatu masyarakat. Bagi Malaysia, sifat-sifat unsur-unsur kebudayaan kebangsaan adalah tertakluk kepada dan ditentukan oleh ketiga-tiga prinsip dasar yang saya sebutkan di atas tadi.

Mengenai kewujudan kebudayaan kebangsaan ini kita tidak perlu lagi bertanyakan bila lagi dijangkakan akan wujud kerana sememangnya kebudayaan kebangsaan Malaysia itu sudahpun wujud. Yang perlu dijalankan sekarang ialah bagi menjadikan unsur-unsur kebudayaan kebangsaan sebagai cara hidup, cara pemikiran dan asas bagi penghasilan segala usaha dan daya cipta dan daya pengeluaran kita. Ini tidak mempunyai jangka waktu.

Jawapan bagi soalan yang ketiga daripada Ahli Yang Berhormat adalah ya. Sememangnya unsur-unsur kebudayaan itu, iaitu unsur-unsur kebudayaan daripada mana-mana bangsa juga asalkan ianya sesuai dan wajar dengan prinsip-prinsip pertama dan kedua di dalam dasar yang saya terangkan tadi boleh diterima sebagai unsur kebudayaan kebangsaan Malaysia bahkan jikalau diperhatikan dengan teliti segala amalan pemikiran dan kehidupan kita sehari-hari sekarang ini telah pun mengandungi unsur-unsur budaya asing yang telah diserapkan semenjak zaman berzaman dan unsur-unsur itu ada yang datang dari tamadun orang India, ada yang datang dari tamadun orang Cina dan ada juga yang datang dari tamadun orang Arab dan daripada Barat.

**Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Berasaskan kepada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan ketiga-tiga asas, saya ingin hendak mendapat tahu sejauh mana sudah kebudayaan yang dianggap sebagai telah wujud tetapi bagi faham saya belum wujud lagi kebudayaan kebangsaan sekarang oleh kerana belum berlandaskan kepada yang ketiga, kalau ada dua tetapi yang ketiga itu belum. Jadi bilakah agaknya pakar-pakar atau ahli-ahli Islam yang pakar di dalam soal kebudayaan yang

hendak menyerapkan kebudayaan itu sesuai dengan Islam mengikut asas dan prinsip yang disebutkan tadi itu supaya ia benar-benar merupakan kebudayaan Islam dan adakah apa yang telah kita tengok sekarang ini sudah merupakan sebagai satu kebudayaan nasional. Apakah kebudayaan nasional yang ada sekarang ini kebudayaan rojak yang tidak ada asasnya dan kalau ada asas pun adakah asasnya itu sesuai dengan Islam sebagaimana yang disebutkan tadi?

Oleh kerana itu saya ingin tahu sejauh manakah sudah penelahan Kementerian ini sedalam-dalamnya atau sejauh-jauhnya mungkin untuk menubuhkan satu badan Islam bagi menyerap atau bagi menyasiat semua kebudayaan yang hendak dijadikan kebudayaan nasional atau diinterpret sebagai kebudayaan nasional yang berlandaskan kepada tiga pokok yang penting, terutama sekali ialah kebudayaan Melayu yang menjadi pokok kebudayaan nasional. Adakah kebudayaan Melayu yang menjadi teras kebudayaan nasional ini sudah berbentuk Islam atau tidak, dan kalau tidak, sejauh mana dan bila hendak diislamkan sesuai dengan apa yang disebut oleh Perdana Menteri dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri hendak mengislamisasikan semua bentuk pemerintahan dan unsur-unsur kemasyarakatan, termasuklah kebudayaan. Bila agaknya hendak dijalankan?

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, sebenarnya kalau hendak jawab secara terperinci maka ini akan mengambil satu ceramah yang agak panjang kepada soalan yang telah ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi berhubung dengan perkara penglibatan pakar atau orang-orang yang benar-benar mengetahui hal ehwal agama Islam dan kebudayaannya dalam perancangan kebudayaan, sukalah saya maklumkan

bahawa dalam Majlis Penasihat Kebangsaan Hal Ehwal Kebudayaan ada ahli yang kita anggap sebagai layak, sebagai mempunyai ilmu pengetahuan yang agak mendalam berhubung dengan ugama Islam dan kebudayaan yang menjadi ahli dalam Majlis Penasihat Kebudayaan, umpamanya, Mufti Wilayah Persekutuan adalah salah seorang ahli dalam Majlis itu dan juga di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Bahagian Penyelidikan juga kita ada pegawai-pegawai yang mempunyai kelayakan yang khusus dalam bidang pengajian Islam yang membantu kegiatan-kegiatan penyelidikan dalam hal ini.

Jadi berhubung dengan apa yang saya katakan bahawasanya kebudayaan kebangsaan telah wujud kita mesti faham bahawasanya kita tidak boleh memikir bahawa satu kebudayaan itu mesti wujud dalam bentuk yang sudah sempurna kerana setiap kebudayaan yang ada di mana sekalipun senantiasa berkembang dan senantiasa berubah dan senantiasa melalui proses evolusi dan asimilasi, terutamanya unsur-unsur yang datang daripada kebudayaan-kebudayaan yang lain hasil daripada pertemuan kebudayaan kita dengan kebudayaan-kebudayaan dari luar. Jadi bagi negara kita ini memang sudah wujud tetapi perkembangannya sedang berlaku sekarang ini dan usaha untuk menerapkan umpamanya nilai-nilai Islam dalam kebudayaan kita itu adalah satu usaha yang sedang berjalan dengan baik pada masa sekarang. Kita mesti melihat bahawa kebudayaan kebangsaan kita itu tidak boleh hanya dianggapkan sebagai kesenian, perkara-perkara yang ada berhubung dengan kesenian seperti pertunjukan-pertunjukan yang biasa diadakan pada hari-hari perayaan yang tertentu tetapi kebudayaan kita itu lebih menyeluruh daripada itu kerana ia juga melibatkan sastra, ia

juga melibatkan unsur-unsur pendidikan dan pelajaran, pentadbiran, sistem perundangan yang ada di negara kita ini termasuklah sistem demokrasi berparlimen yang ada, ini adalah sebahagian daripada apa yang kita katakan yang sudah pun menjadi kebudayaan negara Malaysia ini. Jadi oleh sebab kita mengetahui bahawasanya bagi sesuatu kebudayaan itu ia senantiasa berkembang dan proses assimilate unsur-unsur kebudayaan asing itu senantiasa berlaku maka adalah difikirkan sangat wajar dan menasabah jika sekiranya kita tentukan apakah prinsip-prinsip yang mesti diadakan supaya apa yang kita terima itu sesuai dengan prinsip-prinsip itu dan hasil daripada usaha ataupun proses penerimaan berasaskan kepada tiga prinsip-prinsip yang saya katakan tadi, maka akan muncul satu kebudayaan yang kita boleh anggap sebagai kebudayaan kita.

Jadi itulah penerangan saya yang saya ringkaskan, mungkin tidak begitu jelas dan terperinci tetapi sebagaimana yang saya katakan kalau hendak saya jawab secara terperinci kepada soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat, ia akan mengambil masa yang agak panjang.

**Tuan D. P. Vijandran:** Jawapan kepada bahagian satu soalan saya tadi iaitu siapakah yang telah menentukan sifat-sifat kebudayaan ini tidaklah berapa terang. Apa yang saya hendak tahu ialah siapakah ataupun identiti badan ataupun seseorang yang telah menentukan sifat-sifat kebudayaan ini. Oleh itu saya ingin tahu juga, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa beberapa tokoh-tokoh kebudayaan dari beberapa golongan dan kaum yang boleh memberi sumbangan yang bererti kepada soal Kebudayaan Nasional tidak dapat mengambil bahagian dalam apa-apa forum ataupun persidangan Kebudayaan Nasional yang telah

diadakan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menghasilkan pendapat dan sumbangan tokoh-tokoh ini.

**Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:** Tuan Yang Dipertua, yang saya sebutkan tadi ialah prinsip-prinsip yang akan menentukan apakah bentuk kebudayaan dan sifat-sifat kebudayaan yang dapat diterima. Jadi soalnya ialah siapakah yang menentukan prinsip-prinsip ini. Ketiga-tiga prinsip ini telah ditentukan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan yang telah diadakan pada tahun 1971 yang penyertaan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan itu adalah terdiri daripada semua kaum rakyat Malaysia ini dan juga daripada pakar-pakar kebudayaan dari berbagai-bagai bidang dan cabang kebudayaan itu.

Satu perkara yang patut kita juga faham ialah penerimaan rakyat sendiri terhadap sesuatu unsur kebudayaan itu adalah penting. Kalau rakyat sendiri tidak mahu menerimanya, rakyat menolak maka dia tidak boleh menjadi sebagai satu daripada sebahagian kebudayaan kita, ertinya dia tidak akan diamalkan oleh rakyat kita, barangkali tidak jadi amalan kepada rakyat kita maka tentulah ia tidak lagi merupakan sebahagian daripada kebudayaan kita itu.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah mengetahui dan tidak sedar adanya pakar-pakar kebudayaan daripada golongan yang tertentu yang tidak mendapat peluang untuk mengambil bahagian dalam mana-mana forum ataupun persidangan yang berkaitan dengan perkara-perkara mengenai Kebudayaan Kebangsaan itu. Saya harap Yang Berhormat jika ada nama-nama mereka yang difikirkan dapat membantu ke arah perancangan kita dalam hal-hal yang berhubung dengan pembentukan Kebudayaan Kebangsaan itu, dapat kemukakan nama itu kepada saya supaya nanti

apabila kita adakan kegiatan seumpama ini maka mereka yang difikirkan boleh membantu itu akan dijemput untuk menyertai dan untuk menyumbang ke arah pemikiran kita dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

## UBAT PENYELAMAT NYAWA DI HOSPITAL-HOSPITAL

**12. Dato' S. Govinda Raj** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada terdapat kekurangan yang serius terhadap ubat-ubatan perlu penyelamat nyawa di Hospital-hospital Kerajaan dan sama ada ubat-ubatan itu dianggap "luxury" oleh Kerajaan dan menyatakan mengapa pesakit-pesakit tidak diberi ubat-ubatan tersebut dalam proses rawatan mereka.

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, sukacita saya memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa tidak ada terdapat kekurangan ubat-ubatan penyelamat nyawa di hospital-hospital Kerajaan pada kebiasaannya. Ubat-ubatan ini tidak boleh dianggap sebagai "luxury" ataupun yang dikatakan sebagai sederhana oleh kerana semua ubat-ubatan adalah penting untuk merawat pesakit-pesakit tertentu. Kementerian Kesihatan telah pun menyiapkan-sediakan satu senarai ubat-ubatan yang standard untuk digunakan dalam hospital-hospital Kerajaan. Ada kalanya ubat-ubatan tertentu tidak termasuk di dalam senarai tersebut tetapi ini tidak bermakna bahawa senarai Kementerian ini tidak lengkap untuk merawat pesakit-pesakit oleh kerana ubat penggantinya boleh digunakan.

Pada masa dahulu dan sebelum negara kita menghadapi kemerosotan ekonomi, Kementerian juga mempunyai peruntukan yang dibahagi-bahagikan kepada hospital-hospital Kerajaan supaya di mana

mustahak dan perlu, ubat yang tiada terdapat di dalam senarai tersebut boleh dibeli khas untuk kegunaan kes-kes tertentu. Oleh kerana keadaan ekonomi tidak mengizinkan sekarang, semua hospital-hospital Kerajaan telah diminta supaya membekalkan ubat-ubatan yang ada di dalam standard list sahaja seboleh-bolehnya. Kementerian telah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Teknikal yang dianggotai oleh pakar-pakar kanan dan Pengarah Ahli Kimia Ubat untuk meneliti semua ubat-ubatan sebelum dibeli. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa Ahli Yang Berhormat tidak perlu khawatir tentang mutu ubat-ubatan yang dibekalkan oleh hospital-hospital Kerajaan.

**Dato' Haji Othman bin Haji Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri iaitu sejak kita membuat satu perubahan baru dengan mengenakan beberapa bayaran di hospital-hospital mengikut peraturan baru sekarang, pesakit-pesakit yang pergi ke hospital-hospital telah diberitahu oleh doktor bahawa ubat yang mereka dikehendaki itu sudah tidak ada di hospital ini dan sudah kehabisan, oleh kerana itu tuan bolehlah membelinya di kedai dan ini suratnya, kerana di hospital ini sudah tidak ada. Adakah perbuatan ini Yang Berhormat Menteri sedar atau tidak. Kalau sedar, apakah tindakan yang hendak diambil terhadap masalah seperti ini?

**Tan Sri Chong Hon Nyan:** Tuan Yang Dipertua, saya sedar ada beberapa kes yang tertentu di mana Pegawai Perubatan yang berkenaan telah memberitahu pesakit bahawa tidak ada ubat-ubatan tertentu dalam hospital itu. Ini adalah tidak benar oleh kerana ada satu senarai yang boleh digunakan ataupun membuat preskripsi atau senarai itu tetapi kadangkalanya ada pesakit-pesakit

yang tertentu yang berkehendakkan ubat dengan jenis nama tertentu, dengan izin, "brand name" dan kadangkala Pegawai Perubatan itu kata oleh kerana pesakit itu sudah menggunakannya baiklah beli "brand name" di kedai. Kadangkala kes macam itu terjadi.

### PERMOHONAN KEWARGA- NEGARAAN KETURUNAN INDIA

**13. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan jumlah pemohon rakyat keturunan India yang masih menunggu keputusan permohonan kerakyatan negara ini. Bersabit dengan perayaan 25 tahun mereka adakah beliau menimbangkan kemungkinan memberi kerakyatan kepada semua pemohon yang masih menunggu keputusan memandangkan beberapa orang tahanan juga boleh dibebaskan semasa perayaan 25 tahun merdeka baru-baru ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, adalah menjadi amalan Kementerian saya tidak mengumumkan pecahan permohonan kewarganegaraan mengikut kaum. Segala permohonan kewarganegaraan sentiasa diberi pertimbangan yang adil dan saksama berasaskan kepada perkara-perkara yang termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Tiap-tiap permohonan untuk kewarganegaraan diproses oleh Kementerian saya dengan teliti dan rapi bagi memastikan bahawa segala keterangan dan maklumat yang diberi oleh pemohon adalah benar dan betul. Proses yang dibuat secara teliti dan rapi ini adalah untuk menjamin mereka yang layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh Perlembagaan akan dianugerahkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Sebagaimana kita sedia maklum memperoleh taraf kewarganegaraan Malaysia adalah merupakan anugerah tertinggi negara kepada mereka yang sebelumnya bukan warganegara Malaysia. Oleh hal yang demikian Kementerian saya akan memproses semua permohonan kewarganegaraan yang masih belum diluluskan lagi itu dengan cara dan kaedah yang diamalkan sekarang.

**Tuan Syed Kamarulzaman bin Syed Bahaldin Aljamlud:** Tuan Yang Dipertua, saya minta jaminan daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri bahawa Ketua Pengarah Pendaftaran Warganegara ini dan pegawai-pegawainya tidak akan terpengaruh dengan desakan-desakan supaya dipercepatkan pertimbangan permohonan-permohonan menjadi warganegara Malaysia ini.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, saya bolehlah memberi jaminan bahawa pegawai-pegawai saya akan melaksanakan sesuatu berasaskan kepada Perlembagaan yang ada pada hari ini.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengenai ramai pemohon-pemohon di Sabah iaitu khasnya bumiputera yang belum menjadi warganegara dianggarkan 30,000 dan ini kerana bila kemasukan Sabah dalam Malaysia terdapat satu clause yang mengatakan penduduk negeri Sabah (indigenous) adalah by operation of law dengan sendirinya menjadi warganegara Malaysia. Tetapi bila keadaan undang-undang kewarganegaraan ini telah berubah, maka ramai di antara rakyat bumiputera yang tidak memahami. Dengan sebab itu, ada di antara mereka itu tidak mendapat sijil warganegara. Adakah Kementerian berkenaan ataupun daripada Jabatan

Pendaftaran Negara ini dapat memproses supaya tidak terdapat kekeliruan daripada Pendaftaran Negara di sini mungkin dari suku kaum, misalnya, terdapat di Sabah dan Sarawak daripada suku kaum Brunei, bila terdapat dalam suku kaum Brunei ini bererti mereka itu adalah bangsa Melayu Brunei tetapi bukan warganegara kerakyatan negeri Brunei. Ini mungkin jadi terlambat. Saya minta kepada Menteri berkenaan supaya mengkaji pemohon-pemohon daripada Sabah untuk menjadi warganegara diproses dengan sepenuhnya.

**Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed:** Tuan Yang Dipertua, pihak kami akan mengkaji dengan sepenuhnya atas perkara ini.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Kenneth Kanyah.

**Tuan Haji Latip bin Haji Dris:** Tuan Yang Dipertua, soalan No. 14.

#### PROJEK LETRIK HYDRO PALAGUS

**14. Tuan Haji Latip bin Haji Dris di bawah S. O. 23 (2))** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) bilakah keputusan akan dibuat mengenai penempatan projek letrik hydro Palagus;
- (b) tempat di mana mereka yang terlibat akan ditempatkan semula; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan menganggap penempatan semula itu sebagai sebahagian daripada penyusunan semula masyarakat sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru.

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Datuk Clarence E. Mansul):** Tuan Yang Dipertua, untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, kajian pelan induk mengenai potensi pembangunan elektrik di Sarawak telah selesai dijalankan oleh sebuah Juru Perunding Antarabangsa. Kajian ini telah mengenal pasti dua buah tapak yang mempunyai potensi terbesar bagi penjanaaan elektrik dari kuasa haidro iaitu di Palagus dan Bakun di Bahagian Ketujuh, Sarawak. Projek Palagus ditafsirkan mempunyai keupayaan penjanaaan elektrik sebanyak 800 megawatt. Keupayaan tenaga yang akan dapat dijanakan ini dijangka akan dapat memenuhi permintaan tenaga elektrik di Sarawak.

Projek Bakun pula ditafsirkan akan dapat menghasilkan sebanyak 2,500 megawatt tenaga elektrik. Daya pengeluaran dari projek ini adalah melebihi taksiran permintaan tenaga elektrik di Sarawak dan juga di Sabah. Memandangkan akan kelebihan tenaga dari Bakun, Kerajaan juga merancang untuk membawa tenaga yang selebihnya ke Semenanjung melalui kabel-kabel dasar laut. Untuk mengkaji kemungkinan pembangunan kedua projek ini, Kerajaan telah mengarahkan supaya kajian-kajian kemungkinan projek Palagus dan projek Bakun ini dijalankan. Kajian kemungkinan projek Bakun juga meliputi kajian kemungkinan penghantaran kuasa elektrik melalui kabel dasar laut.

Kajian kemungkinan projek Palagus telah pun selesai, sementara itu kajian kemungkinan projek Bakun serta kajian penghantaran elektrik melalui kabel dasar laut sedang dijalankan. Kajian-kajian ini dijadualkan siap pada awal tahun 1983. Keputusan sama ada Kerajaan akan membangunkan projek haidro elektrik Palagus dijangka akan dapat dibuatkan dalam pertengahan tahun 1983 iaitu selepas semua kajian kemungkinan tersebut selesai dijalankan. Untuk pengetahuan Ahli

Yang Berhormat, kemungkinan penempatan semula penduduk yang terlibat oleh projek ini sedang dikaji oleh sebuah Jawatankuasa pemandu. Kajian ini adalah bertujuan untuk memastikan supaya penempatan semula penduduk-penduduk yang terlibat dilakukan dengan teratur dengan mengambil kira kesan-kesan terhadap sosial-ekonomi mereka yang akan dipindahkan.

Penempatan semula penduduk yang terpencil ini juga memberi peluang kepada Kerajaan untuk menyusun semula masyarakat dari berbilang kaum dan meningkatkan taraf kehidupan mereka. Kemudahan-kemudahan asas seperti tempat kediaman, air, bekalan elektrik, jalan raya dan sebagainya akan disediakan. Begitu juga dengan kawasan pertanian baru serta juga kaedah pertanian moden yang akan dapat diperkenalkan kepada penduduk-penduduk ini bagi menggantikan kaedah 'shifting cultivation'. Rancangan-rancangan yang dirangkaikan ini sudah tentu akan dapat membaiki kehidupan mereka. Langkah-langkah ini juga adalah sejajar dengan matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG BANK ISLAM

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." (3hb Januari, 1983).

**Timbalan Yang Dipertua:** Jemput Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad.

3.25 *ptg.*

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Mohamad:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi menyambung ucapan saya semalam. Semalam saya telah memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu bagi pihak saya adalah mengalu-alukan dan mengucapkan tahniah di atas Undang-undang Bank Islam yang dibawa di dalam Dewan yang mulia ini. Saya telah menceritakan di dalam Dewan ini bagaimana kesusahan di setengah-setengah negeri di dalam Malaysia, khususnya di negeri Trengganu tentang rakyat-rakyat yang tidak mahu menyimpan wangnya di dalam bank-bank biasa. Bukan rakyat sahaja tetapi sehingga kepada badan-badan Berkanun seumpama Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Trengganu yang saya telah menyatakan semalam.

Mengikut Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak Terengganu, segala wang-wang kepunyaan Badan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu hendaklah disimpan di dalam Khazanah Negeri Terengganu dan telah pun dibuat begitu sejak beberapa tahun. Tetapi pada masa yang akhir ini telah disedari oleh Juru Audit Negara dan perkara ini telah ditegah, tidak diberi, katanya tidak kena dengan semangat undang-undang. Badan-badan Berkanun tidak boleh menyimpan wangnya di dalam Khazanah Negeri. Dengan sebab itu, Kerajaan Terengganu telah memberi notis kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu supaya menarik balik wangnya daripada Khazanah Negeri dan menyimpan di dalam bank. Apakala wang itu disimpan di dalam bank timbul pula masalah baru iaitu pihak ulamak Majlis Agama Islam telah membangkang, katanya perbuatan ini adalah berlawanan dengan Islam kerana Islam tidak membenarkan wang-wang disimpan dalam bank

kerana bank itu mengenakan interest. Wang yang di simpan di dalam bank itu dibayar interest oleh bank itu. Perkara ini haram. Jadi pihak Majlis Agama Islam telah serba salah. Kalau hendak simpan di dalam khazanah Negeri tidak diterima oleh Kerajaan kerana ditegah oleh Audit Negara dan hendak simpan dalam bank telah ditegah oleh Majlis Ulama dia sendiri. Hendak simpan di mana? Apabila dalam mesyuarat dia sudah serba salah. Ia tak ia, keputusannya merayu kepada Kerajaan Negeri supaya diterimalah buat sementara Bank Islam ini ditubuh disimpan balik di dalam Khazanah Negeri. Maka perkara itu di dalam perkara runding-merunding ataupun surat-menyurat di antara Majlis Agama Islam dengan Kerajaan Negeri. Tiada keputusannya lagi.

Itulah saya kata perkara ini jatuh kemujuranlah di bawah Undang-undang Bank Islam di sini dan apa yang saya harap supaya Undang-undang Bank ini apabila diluluskan sahaja maka saya harap benar-benar supaya cawangan Bank Islam ini dibuka di Terengganu dengan sertamerta. Dan saya percaya bukan di Terengganu sahaja kerana Majlis Agama Islam ini ada di dalam tiap-tiap buah negeri di seluruh Malaysia ini. Kalau seluruh Malaysia ini ada empat belas buah negerinya, saya percaya ada empat belas buah Majlis Agama Islam yang ada mempunyai wang, tiap-tiap negeri itu mempunyai berjuta-juta ringgit.

Di Terengganu sahaja setahu saya lebih \$10 juta, di mana hendak disimpan wang itu, Tuan Yang Dipertua. Kepada orang-orang ramai pula mereka berbelah bahagi, ada yang terpengaruh dengan politik sebagaimana Tuan Yang Dipertua ketahui di negeri Terengganu sudah menjadi gelanggang politik lebih-lebih lagi berkenaan dengan hukum-hukum agama. Di sana telah berlaku bagaimana dengan sebab parti-parti politik yang telah membuat dakyah

yang bermacam-macam ada orang sembahyang dalam sebuah mesjid itu dua imam, ada orang tidak mahu mengakui pemyembelihan orang Islam yang lain dan bermacam-macam cara lagi. Begitu juga berkenaan dengan simpan wang. Banyak orang yang tidak mahu simpan wang dalam bank kerana mengikut ketua daripada parti-parti politik dia.

Baru-baru ini kita membaca di dalam suratkhbar bagaimana seorang wanita di Terengganu telah kehilangan wang hampir \$1,000 kerana wang itu disimpan di dalam bantal. Tujuan dia hendak pergi Haji. Jadi wang itu disimpan di dalam bantal, dijahit, lepas itu dibuat tidur. Tetapi oleh kerana dia hendak pergi ke mana-mana bantal itu tinggal di rumah, dia percayalah tidak ada siapa yang tahu wang di dalam bantal. Tetapi barangkalilah dengan sebab dia selalu duduk pujakan bantal itu atau selalu pergi melihat-lihatnya barangkali adalah orang melihat perbuatan dia itu, apakala dia tiada di rumah bantalnya itu telah dikebas oleh pencuri-pencuri. Maka dia telah kehilangan hampir \$1,000. . . . .

**Timbalan Yang Dipertua:** Lain kali bawa bantal.

**Dato' Haji Mahmoud Salim bin Haji Mohamad:** Bantal itu dikebas habis, Tuan Yang Dipertua.

Terdahulu daripada itu ada orang simpan wang itu di dalam tilam, begitu juga. Ada orang simpan dengan Tok Guru dia. Ada bermacam-macam cara menyimpan wang. Bukan di Terengganu sahaja saya percaya banyak di luar bandar begitulah gayanya. Ada yang tanam di bawah tangga dan bermacam-macam cara. Jadi, dengan adanya Bank Islam ini saya percayalah kerumitan-kerumitan yang seumpamanya ini akan hilang begitu sahaja.

Dalam begitu pun, Tuan Yang Dipertua, apakala saya baca di sini, saya tidak dapat membaca semua sekali kerana masanya tidak cukup. Sekarang saya perlu juga mengulas beberapa perkara di dalam undang-undang ini. Saya baca di sini saya nampak satu perkaranya di dalam pentafsiran Rang Undang-undang ini ialah Rang Undang-undang Bank Islam iaitu mengikut Islam 100%. Di dalam pentafsirannya di bawah seksyen 2, katanya, perniagaan Bank Islam.

“Perniagaan Bank Islam” ertinya perniagaan bank yang tujuan dan pengendaliannya tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam. Jadi, tiap-tiap perniagaan tidak melibatkan apa-apa elemen ataupun unsur yang tidak diluluskan oleh agama Islam.

Tafsiran ini terlampau luas sangat. Agama Islam ini luas. Kita tahu sekarang ini agama Islam ini di dalamnya ada bermacam-macam mazhab. Mazhab Ahli-Sunnah Wal-Jemaah, Mazhab Khawari, Mazhab Syiah sebagaimana di Iran, itu satu mazhab. Tetapi mazhab yang besar penganutnya berapa million orang? Mazhab Agha Khan, Ismaili, dia pun ada sistem mazhab dia. Misalnya Mazhab Agha Khan itu, zakat diberi kepada ketua agama dia, kita tidak, dibahagi lapan. Macam-macam cara. Kalau kita kata menurut agama Islam ini tidak disebut mazhab, saya fikir ini kesamaran. Sebab itu kepada saya baiklah dikatakan ditambah lagi tidak melihatkan apa-apa elemen yang diluluskan oleh agama Islam menurut mazhab Ahli-Sunnah Wal-jemaah. Jadi, kerana kita orang-orang di Malaysia ini memang menurut Mazhab Ahli-Sunnah Wal-Jemaah kerana kalau kita lihat di dalam undang-undang tubuh seluruh negeri-negeri di dalam Malaysia ini, ada mempunyai undang-undang tubuh atau constitution negeri masing-masing. Di dalam undang-undang

tubuh itu diakui agama Islam ini adalah agama rasmi tetapi di dalam pengalamannya dikatakan menurut Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jemaah. Semacam di Terengganu itu ditekan lagi, katanya menurut Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jemaah; Mazhab Shafiee pula, ada setengah terkeluar daripada Mazhab Pas. Ada ditetapkan begitu. Jadi, kalau disebutkan itu Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jemaah terkeluarlah daripada Mazhab Syiah, terkeluarlah daripada Mazhab Radbi.

Baru-baru ini, Tuan Yang Dipertua, kita dengar bagaimana heboh di dalam suratkhbar berkenaan dengan Mazhab Qadiani dikatakan Qadiani terkeluar daripada agama Islam menurut petua yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di Malaysia. Tetapi orang Qadiani itu sendiri tidak mengakui yang mereka itu keluar daripada agama Islam. Mufti-mufti di Malaysia ini dan kebanyakan Kerajaan-kerajaan dunia Islam menyatakan Qadiani bukannya Islam. Maka kalau sekiranya kita katakan di dalam takrif ini Islam, kalau menurut Qadiani mereka juga Islam. Sebab itulah kita kena bubuh supaya takrif itu biar ketat, tidak boleh longgar ataupun terlampau luas, mestilah kita kata menurut agama Islam, menurut Ahli Sunnah Wal-Jemaah. Itu pada pendapat saya, tidaklah ia melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan agama Islam menurut Mazhab Ahli-ahli Sunnah Wal-Jemaah.

Tuan Yang Dipertua, perkara ini diulang banyak. Kalau kita tengok di dalam Seksyen 3, di dalam Rang Undang-undang ini banyak perkara di ulangkan mengenai perkara ini. Semacam kalau kita baca di dalam Seksyen 3 penubuhan Bank Islam ini.

“Perniagaan Bank Islam tidak boleh diuruskan di Malaysia melainkan oleh sesuatu syarikat yang memiliki sesuatu lesen secara bertulis daripada Menteri

yang membenarkannya berbuat demikian.” Kerana kalau kita tengok di dalam subsection 5 (a) dia kata:

“Bank Negara tidak boleh mengesyorkan pemberian lesen, dan Menteri tidak boleh memberi suatu lesen, melainkan Bank Negara atau Menteri, mengikut mana-mana yang berkenaan, berpuashati.

(a) bahawa tujuan dan pengendalian perniagaan Bank yang dia berhasrat menjalankan itu tidak akan melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam”.

Macam itu juga, sepatutnya, mestilah digantikan mesti menurut Ahli Sunnah Wal-Jemaah;

“dan (b) bahawa ada terdapat, di dalam artikel persatuan bank yang berkenaan, peruntukan bagi penubuhan suatu badan penasihat Syariah untuk menasihatkan bank mengenai pengendalian perniagaan banknya untuk menjamin ianya tidak melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam”.

Itupun macam itu juga. Sepatutnya dikatakan menurut Mazhab Ahli Sunnah Wal-Jemaah. Kalau mengikut sayalah, saya ini bukan Ahli undang-undang, tetapi pendapat saya begitu, biar ketat lagi.

Di dalam ini pula disebut pihak Bank Islam ini, Tuan Yang Dipertua, hendaklah menubuhkan satu badan Penasihat Syariah untuk menasihatkan bank mengenai pengendalian perniagaannya itu supaya tidak terkeluar daripada agama Islam tetapi setakat yang saya baca Rang Undang-undang ini tidak disebutkan, kewajipan badan Penasihat ini. Cuma disebut badan penasihat untuk memberi nasihat. Kalau badan penasihat untuk memberi nasihat

maknanya badan ini tidak ada kuasa melainkan kalau sekiranya Lembaga Pengarah atau managernya itu refer kepada dia, tanya apa-apa masalah baru dia jawab, kalau tidak dia sahajalah, duduk sahaja begitu.

Tetapi kalau kita tengok dalam bahagian lain, seumpama juru audit yang dilantik oleh Bank Negara kepada bank ini ataupun yang dilantik oleh bank ini sendiri juru auditnya, dia ada tugasnya, kewajibannya sebagaimana yang dinyatakan di bawah Seksyen 17 (3) iaitu juru audit itu hendaklah tugasnya menyediakan kira-kira untung-rugi—kena buat. Dan kira-kira untung rugi ini akan dibawa di dalam mesyuarat, akan dikemukakan kepada Bank Negara tiap-tiap enam bulan sekali dan penyerta itu akan dibawa di dalam mesyuarat agung tahunan bank. Jadi apakah salahnya kalau sekiranya Jawatankuasa Syariah yang dibimbangkan supaya perjalanan bank itu tidak boleh menyeleweng, diberi kuasa kepadanya boleh menyiasat, boleh memeriksa perjalanan bank sebagaimana yang diberi kuasa kepada auditnya boleh melihat, tengok, kalau menyeleweng dia akan membuat laporan, laporannya itu mesti dibaca di dalam mesyuarat agung bank itu tiap-tiap tahun. Di situlah boleh ahli-ahli itu sedar sama ada bank ini menyeleweng ataupun tidak. Kerana di dalam Fasal 3 ini kalau menyeleweng sahaja Menteri boleh batal lesennya—boleh batal Bank Islam ini. Jadi, jangan pula dengan sebab Pengarahnya ataupun dengan sebab Pengurus bank itu menyeleweng maka tidak fasal-fasal orang ramai yang menjadi ahli syer bank itu menanggung kerugian iaitulah lesen bank itu dibatalkan oleh pihak Menteri, manakala badan penasihatnya ada sesahaja. Jadi ada badan penasihat ini buat molek sahaja kata orang, tidak ada kuasa apa-apa. Pada saya perkara ini tidak kena. Kalau kita sudah lantik di dalam

undang-undang mengatakan dia mesti dilantik, mestilah memberi kuasa pada dia. Kalau tidak, lebih baik lantik dalam mesyuarat agung sudahlah.

Di bawah Fasal 3 ini satu macam pula, Tuan Yang Dipertua. Saya pun baca tidak berapa faham, hairan berkenaan dengan kesalahan. Mana-mana orang katanya:

“Seseorang yang melanggar peruntukan Seksyen ini adalah melakukan satu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada \$20,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun”.

Kena denda pula \$20,000 atau penjara 3 tahun. Apakah ini termasuk Menteri sendiri? Nampaknya syarikat itu hendaklah menjalankan bank secara Islam, seseorang itu hendaklah mendapat lesen dahulu. Kalau dia tidak dapat lesen, dia menjalankan Bank Islam itu, dia sudah melanggar Seksyen 3 ini, itu patutlah kalau dia membuka bank dengan tidak mendapat lesen ataupun kebenaran maka patutlah dia dikenakan denda sama ada \$20,000 atau 3 tahun penjara. Tetapi apa hal pula yang melibatkan Menteri dan Bank Negara? Bank Negara tidak boleh mengesyorkan pemberian lesen katanya. Dan Menteri juga tidak memberi satu lesen melainkan Bank Negara dan Menteri mengikut mana-mana pindaan berpuas hati, berpuas hati macam mana:

“(a) bahawa tujuan dan pengendalian perniagaan bank yang dia berhasrat menjalankan itu tidak akan melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam”.

Ini bererti kalau sekiranya Menteri itu berfikir Bank Islam ini boleh melibatkan elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam tiba-tiba dia keluarkan juga lesen—dibenarkan

juga, dia juga akan kena denda 3 tahun jail. Jadi, adakah begitu? Saya fikir kalau macam itu anihlah, baguslah undang-undang ini Menteri pun nanti kena tiga tahun. Begitu juga Bank Negara, kalau dia mengesyorkan pemberian lesen kepada Menteri. Kalau sekiranya pada pendapatnya bank ini tidak akan menjalankan dasar Islam, tiba-tiba dia mengesyorkan kepada Menteri begitu, maka didapati bank ini tidak berjalan sebagaimana dikehendaki. Dia juga melakukan kesalahan di bawah Seksyen 3 ini, dia juga kena 3 tahun penjara. Begitulah pada pendapat saya di bawah Seksyen 3 ini, tetapi saya fikir tidaklah begitu.

Satu lagi berkenaan dengan terjemahannya, saya nampak ayat ini tidak kena dalam bahasa Melayu, Tuan Yang Dipertua:

“(5) (a) bahawa tujuan dan pengendalian perniagaan bank yang dia berhasrat. . . .”

Dia mana ini?

“.....yang dia berhasrat menjalankan itu tidak akan melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam.”

Dia selalu nampak undang-undang walaupun dia kata naskah sahah bahasa Melayu, Bahasa Kebangsaan tetapi nampaknya diterjemahkan daripada bahasa Inggeris, barangkali bahasa Inggeris tentu tidak begitu. Dia ini biasanya gantinama yang dia berhasrat menjalankan itu. Dia Menteri, bukan Menteri hendak buat bank, dia Bank Negara tidak juga. Kalau begitu, saya fikir tak kena ayat yang dia ini dikehendaki begitu, “(a) bahawa tujuan dan pengendalian perniagaan bank,” yang dikehendaki menjalankan itu, barangkali begitulah, akan melibatkan apa-apa elemen dalam bahasa Melayunya. Bukan yang dia berhasrat menjalankan, dia mana,

nampak janggal betul, tidak kena dalam susunan bahasa Melayu. Kalau dia ini ganti nama, hendak menuju kepada siapa, hendak balik kepada siapa, hendak balik kepada Menteri bukan Menteri yang minta. Jadi, saya tidak tahulah. Saya harap pihak Menteri tengok balik dalam Seksyen 3 (5) (a).

Tuan Yang Dipertua, begitulah berkenaan dengan Bank Islam ini pada keseluruhannya adalah menguntungkan kepada orang-orang Islam di negara ini. Dan saya suka menyatakan iaitu Bank Islam ini apakala ditubuhkan di negara Arab dan negara Islam yang lain telah pun dibawa ke Eropah, ada setengah negara di Eropah telah menubuhkan Bank Islam dan telah mendapat sambutan yang bagus, bahkan setengah negeri lebih daripada bank perniagaan yang biasa, orang suka menyimpan wang dan berkira bicara dengan Bank Islam yang lebih daripada bank perniagaan yang lain.

Saya percaya bank ini apakala ditubuhkan kelak akan dapat keutamaan bukan oleh orang Islam sahaja, malahan saya percaya orang-orang yang bukan Islam juga akan melabur, lebih-lebih lagi jaminan yang dibuat oleh Timbalan Menteri semalam mengatakan orang-orang yang simpan wang itu akan diberi hadiah, selain daripada orang yang simpan wang cara melabur. Cara melabur itu memanglah dia akan menerima untung ruginya. Ini orang yang simpan sahaja. Kalau simpan sahaja dengan bank biasa, dia akan terima wang itu tetapi dapat interest. Bank ini dia kata akan diberi hadiah, banyak mana tidak tahulah, ini berdasarkan kepada hukum syarak kita iaitulah kalau kita pinjam mana-mana wang, kita tidak boleh tetapkan yang kita akan bayar balik sekian-sekian—tidak boleh, tetapi sunat bayar lebih, katanya. Nabi kita suruh bayar lebih. Kalau kita pinjam \$100

pada masa bayar itu sunatlah kita bayar \$110 atau \$120 supaya memberi kegemaran kepada orang-orang yang punya wang, itulah faedah Islam. Saya fikir Bank Islam mengikut begitulah. Itulah Jawatankuasa Syariah ini akan mengesyorkan. Jadi, kalau Jawatankuasa Syariah ini tidak boleh tengok daftar ataupun buku-buku bank ini macam mana dia hendak mengesyorkan, dia menjadi jawatankuasa yang tidur sahaja begitu, apakala diketuk kepalanya, baharu dia terjaga. Apakala dia disurung bantal, baru dia tidur, itu saya fikir tidak kena. Jadi, itulah saya kata bank ini ada harapan besar dan banyak orang-orang yang akan mengambil bahagian di dalamnya, kerana dia ini halal dan Kerajaan kita telah menubuhkan ini ialah dengan sebab hendak menerapkan cita-cita Islam, hendak menerapkan hukum-hukum Islam itu menerusi bank.

Saya fikir sekadar ini sahaja, Tuan Yang Dipertua, ulasan-ulasan saya dalam perkara ini kerana dalam perkara undang-undang ini saya bukan ahlinya tetapi sekadar yang saya tahu inilah sahaja dan pada akhirnya saya menyokong sebenar-benarnya Bank Islam dan menyokong sepenuhnya Undang-undang Bank Islam yang dibawa di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

### 3.51 ptg.

**Tuan Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan berbilang terima kasih di atas kesempatan yang diberi untuk saya turut serta membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam ini. Saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang ini kerana kita kira ini adalah suatu kenyataan daripada impian berpuluh-puluh tahun yang pernah dicetuskan oleh mana-mana seminar ataupun perasaan dan cita-cita rakyat Islam di negara ini.

Saya bagi pihak diri sendiri rasa amat besar hati dan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan yang telah menjadikan impian orang-orang Islam ini suatu kenyataan (reality) yang akan wujud di dalam negara kita. Saya teringat bagaimana sikap yang tidak kita sangka-sangka ini telah berubah laksana 180 darjah di bawah kepimpinan Perdana Menteri kita yang baru ini bahawa sepuluh tahun yang lalu kita pernah membawa usul penubuhan bank ini, bank yang berbentuk menghapuskan sistem riba diwujudkan tahap demi tahap di negara kita ini dan telah diletakkan di dalam keputusan seminar itu dan kita amat terperanjat pemimpin-pemimpin Kerajaan yang terdiri daripada orang Islam sendiri telah mencemuh dan menghinakan cadangan ini dengan mengatakan suatu cadangan yang tidak munasabah pada ketika itu ialah sepuluh tahun yang lalu. Saya yang menghadiri seminar itu amat terperanjat tetapi tidak boleh berbuat apa-apa kerana usul kita seperti yang bukan ahli dalam Undang-undang Islam apatah lagi tidak ahli di dalam banking, maka mereka menganggap pandangan kita itu adalah pandangan daripada kucing kurap sahaja.

Saya ingin melalui Dewan yang mulia ini, menyatakan besar hati suka memberitahu terutama sekali kepada pemimpin-pemimpin masyarakat, pemimpin politik, orang-orang Islam sendiri yang merasa agak tidak sedap hati ataupun tidak mempunyai harapan terhadap Bank Islam ini, bahawa adalah satu kenyataan iaitu dunia ini sebenarnya berubah-berubah, sekali air bah, sekali pasir berubah, bahkan konsep Bank Islam ini telah pun wujud beribu-ribu tahun yang lalu di mana sistem bank ini telah dibawa oleh orang Islam sendiri bahawa perkataan cek itu pun asalnya daripada perkataan Arab orang-orang Islam pada masa itu iaitu "sokkun".

Tuan Yang Dipertua, kalau kita katakan negara Islam menolak konsep ini pada masa yang lalu tetapi hari ini sebagaimana kenyataan sebuah akhbar tempatan beberapa bulan yang lalu negara Denmark sebagai negara Barat yang pertama di dunia yang telah menubuhkan Bank Islam. Tepatlah bahawa konsep Bank Islam yang menghapuskan riba bersih daripada eksploitasi manusia terhadap manusia ini adalah konsep yang datang daripada wahyu Allah sendiri. Dengan sebab itu keyakinan manusia sejagat hendaklah disedarkan bahawa dengan sistem bank yang bersih daripada penekanan dan penghisapan darah manusia itu seharusnya kita berasa bangga lambat laun keseluruhan manusia dan dunia akan menyedari hakikat ini adalah suatu perintah yang suci yang akan memberikan kesejahteraan kepada umat manusia. Saya kira, kita adalah negara yang paling lambat untuk menubuhkan Bank Islam ini, namun begitu dengan adanya langkah-langkah ini kita akan mengembalikan apa yang telah dipupuskan oleh penjajah di dalam pemikiran bangsa kita yang telah berkurun-kurun yang lalu.

Tuan Yang Dipertua, saya suka memberi pandangan dari segi pelaksanaan Bank Islam ini di seluruh negara kita. Sebagaimana yang kita telah baca dan dilaungkan oleh pemimpin-pemimpin kita di dalam tempoh satu tahun sahaja penubuhannya di peringkat Pusat, maka penubuhan-penubuhan di peringkat Negeri akan beransur-ansur dilaksanakan.

Saya suka menyedarkan pihak Kerajaan, ada baiknya penubuhan di peringkat-peringkat Negeri ini sedapat yang boleh patutlah di ibu-ibu pejabat negeri tetapi dari satu faktor yang lain patut juga dikaji dan dipertimbangkan bahawa sesuatu ibu negeri katalah contoh ibu negeri negeri saya datang

iaitu negeri Perak di mana berpuluh-puluh kegiatan bank berpusat di situ sehingga kadang-kadang ada suatu daerah yang hanya mempunyai sebuah bank dan tidak ada kegiatan-kegiatan bank lain, Bank Rakyat tidak sudi, Bank Bumiputra jauh sekali, bank-bank yang lain tutup mata, maka keadaan perkembangan-perkembangan di daerah dan ketidakseimbangannya kecenderungan bank-bank ini menubuhkan cawangannya di peringkat-peringkat daerah patutlah Bank Islam sebagai pembela dan membebaskan penindasan manusia yang telah wujud beberapa lama oleh sistem-sistem bank lain yang mengenakan dan mementingkan tekanan interest, bunga dan riba yang begitu tinggi, yang begitu terus melanda dunia pada hari ini patutlah Bank Islam ini tampil ke hadapan pergi ke ceruk-ceruk daerah yang tidak ada persaingan hebat semoga dengan ini Bank Islam akan mendapat sanjungan yang lebih lagi di pandangan mata rakyat.

Hari ini, Tuan Yang Dipertua, banyak sungutan daripada rakyat jelata terutama sekali peniaga-peniaga kecil yang agak keberatan untuk pergi ke bank-bank yang besar di bandar-bandar yang besar kerana beberapa keangkuhan, beberapa sikap acuh tak acuh pengarah-pengarah ataupun pegawai-pegawainya melihat akan tokoh-tokoh, bakal-bakal peniaga yang marhin ini, maka dengan ini cita-cita Kerajaan mengharap bank-bank lain ini membangkitkan perniagaan dan membantu ahli usahawan-usahawan kecil tidak dapat berhasil dengan jayanya. Maka dengan itu kita berharap sebagaimana juga Bank-bank Peladang yang pernah wujud di negeri Turki umpamanya kita berasa hairan dan terkejut kenapa Bank-bank Pertanian ditubuhkan di kampung-kampung yang kecil walaupun tidak dengan bangunan-bangunan yang tersergam, dengan

alat-alat komputernya yang boleh dipicit daripada satu arah sahaja, dengan keadaan pegawai-pegawainya yang smart dan sebagainya tetapi ada bank-bank ini yang ditubuhkan dengan megah dan luxuriusnya tetapi kosong daripada dikunjungi oleh pelanggan-pelanggan. Jadi kita berharap biarlah bank ini dapat menuju ke matlamat sasarannya iaitu membela rakyat yang telah beratusan tahun menderita akibat daripada penjajahan barat bukan sahaja dari segi politik, bukan sahaja dari segi pelajaran sehingga penjajahan kepada bentuk untuk memberikan nafas kepada rakyat jelata yang inginkan perniagaan berurusan dengan sistem banking yang modern ini. Jadi kita berharap Bank Islam akan mempunyai sikap yang benar-benar suci, ikhlas dan bertanggungjawab kepada matlamat dan cita-cita sebagaimana yang ada terdapat dan dicatatkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Akhir sekali, atas namanya sahaja Bank Islam ini janganlah pula kelak manusia-manusia yang menganggotai bank ini akan mencemarkan kesucian nama Islam itu sendiri kerana pernah terjadi di satu bank yang bernama Bank Pertanian, ketika saya membawa seorang pelanggan yang akan berurus untuk mendapatkan pinjaman yang kecil tetapi kita telah diinterview hampir setengah jam hanya untuk mendapatkan sekeping borang pinjaman sahaja. Tetapi kalau kita memperkenalkan diri kepada pengurus bank itu, saya ialah si anu dan si anu, wakil si anu, Wakil Rakyat umpamanya ataupun Tuan D. O. (District Officer) maka tidak pun payah, Pengarah Bank ataupun Pengurus Bank itu menginterview kita, peon sahaja boleh menghulurkan borang pinjaman itu.

Tuan Yang Dipertua, ini bukan sahaja dari segi konsep penghapusan riba dibersihkan oleh Bank Islam ini tetapi pembersihan jiwa dan rohani

pekerja-pekerjanya daripada pengarah-pengarahnya sehingga sampai kepada tukang sapu sampah bank itu hendaklah mempunyai kebersihan jiwa yang murni menjaga dan meninggikan imej Bank Islam ini supaya ia benar-benar mempunyai identiti yang berlainan daripada bank-bank yang lain yang terdapat di negara ini. Jadi dengan ucapan ringkas ini, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong atas Rang Undang-undang Bank Islam ini dan pelaksanaan Bank seterusnya dengan secepat mungkin.

*4.04 ptg.*

**Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh:**  
Tuan Yang Dipertua, saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk menyokong Rang Undang-undang Bank Islam, 1982 yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon dengan izin menggunakan perkataan "alhamdulillah", syukurilah kita kepada Allah s.w.t. kerana dengan perasaan yang ikhlas dan berani Kerajaan kita pada hari ini telah mengemukakan satu Rang Undang-undang untuk penubuhan sebuah Bank yang dinamakan Bank Islam. Sebagaimana yang telah dikatakan oleh rakan-rakan saya sebelum ini juga, inilah satu-satunya bank yang ditunggu-tunggu oleh rakyat terutama sekali rakyat-rakyat yang di luar bandar yang masih tidak suka hendak mencampur-aduk wangnya dalam bank-bank yang lain. Saya masih teringat dalam masa dua tahun yang lalu atau dua tahun lebih yang lalu sewaktu lawatan seorang anak raja Saudi iaitu kalau tak salah ingatan saya namanya Amir Mohamad Al-saud al Faisal ke Malaysia dan terus melawat ke Kelantan. Semasa di Kelantan sempatlah saya mendengar perbincangan di antara Menteri Kewangan Y.B.M. Tengku Razaleigh bersama-sama dengan tetamu Arab itu

bersama-sama dengan Datuk Mufti Kerajaan Negeri Kelantan pada masa itu.

Jadi perkara ini sudah lama diperbincangkan tetapi tidaklah barangkali dapat dibuat dengan sewenang-senang kerana hendak menjalankan sebuah Bank Islam ini yang betul-betul barangkali susah difikirkan pada ketika itu, tetapi hari ini telah terbukti kepada kita bahawa Rang Undang-undang ini telah pun dibentangkan di Dewan Negara kita pada hari ini.

Saya merasakan ini adalah langkah yang ketiga Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional melaksanakan perkara-perkara mengenai dengan orang-orang Islam ataupun orang-orang Melayu yang kita semua maklum bahawa bila disebut Melayu dengan sendirinya Islam. Kalau kita menoleh ke belakang, barangkali saya lupa tahunnya, tetapi satu ketika yang lampau Kerajaan kita juga telah mengambil satu langkah yang tegas dan telah melaksanakan iaitu memaksa atau memberi peluang kepada mana-mana kontraktor bumiputera. Pada istilah saya, bumiputera ini orang Melayu Islam, sebanyak 30% daripada semua kontrak yang ada dalam Malaysia kita ini hendaklah diperuntukkan kepada bumiputera. Ini satu peluang yang sudah dilaksanakan oleh Kerajaan kita berasaskan hendak menolong orang Melayu, orang Islam. Langkah kedua, penubuhan Amanah Saham Nasional (ASN) sama juga pada pendapat saya, Tuan Yang Dipertua, kerana penubuhan ASN juga ialah kepada orang Melayu yang bagaimana saya sebutkan tadi orang Islam. Sekarang ini satu lagi peluang yang baik ialah Bank Islam. Jadi kepada saya, tiga langkah sudah pun dilaksanakan oleh Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional.

Saya menyebutkan perkara ini dengan tujuan supaya parti-parti Pembangkang, terutama sekali parti Pembangkang yang mendakwa Parti Islam memahami hasrat dan kehendak Kerajaan yang memerintah pada hari ini supaya mereka itu tidaklah sentiasa membangkang sahaja apa juga perkara yang baik yang dilaksanakan oleh Kerajaan yang memerintah pada hari ini. Kalau tak salah ingatan saya telah terdengar dalam Dewan Rakyat yang sudah, seorang wakil daripada parti Pembangkang bangun menyokong Rang Undang-undang ini tetapi di negeri-negeri ataupun di kampung-kampung masih kedengaran apa juga yang dilakukan oleh Kerajaan pada hari ini semuanya tak betul dan Kerajaan yang ada pada hari ini mesti ditarik balik kuasanya kerana tidak menunaikan itu dan tidak menunaikan ini jauh sekali katanya daripada menunaikan hukum-hukum Islam atau membantu umat-umat Islam yang ada di tanahairnya sendiri. Itulah sebabnya, Tuan Yang Dipertua, saya mengkaitkan perkara ini kepada tiga perkara itu supaya rakyat seluruh negara kita ini memahami satu demi satu, Kerajaan kita menjalankan perkara-perkara yang memberi manfaat dan memberi keuntungan dan faedah kepada rakyat, sebagaimana kita pernah dengar ucapan daripada pemimpin-pemimpin kita, pemimpin-pemimpin Kerajaan yang memerintah, Kerajaan yang memerintah sentiasa mengikut aspirasi rakyat apa yang rakyat kehendaki.

Sebagaimana yang kita semua maklum perkara Bank Islam ini bukan perkara baru, saya sebutkan tadi 2-3 tahun yang lampau sudah pun ada suara-suara daripada rakyat mahukan sebuah bank yang 100% cara Islam supaya rakyat kita dapat menyimpan wang dalam bank itu dengan tidak bercampur-aduk seperti disimpan dalam mana-mana bank yang ada pada hari ini, jadi sekali lagilah saya katakan tadi, maknanya Kerajaan

telah melaksanakan apa yang disuarakan dan dikehendaki oleh rakyat.

Saya juga bersetuju dengan apa yang diucapkan oleh seorang sahabat saya tadi sebelum daripada saya dan ini juga saya minta dan saya berharap siapa juga yang akan mengendalikan bank ini biarlah mereka sentiasa mengingat bahawa bank ini akan wujud, atau Kerajaan bersetuju menubuhkan bank ini untuk tujuan yang baik dan supaya tidak menimbulkan kesusahan kepada rakyat dari segi perlaksanaannya kelak. Dan jika dapat Bank Islam ini bukan sahaja di tiap-tiap negeri malah di tiap-tiap jajahan (district) hendaklah ditubuhkan sebab dasar asas ataupun penubuhan Bank Islam ini bertujuan hendak menolong, hendak memberi peluang kepada orang-orang Islam.

Kita semua maklum bahawa ramai di antara penduduk-penduduk Islam dalam negara kita ini ialah di bandar-bandar kecil atau di luar-luar bandar. Jadi kalau bank ini semata-mata ditubuh di pusat-pusat bandar besar dan di kepala-kepala negeri sahaja barangkali menjadi kesukaran juga kepada rakyat hendak menghubungi bank yang ada di pusat-pusat negeri itu.

Saya rasa boleh kita laksanakan ini untuk faedah dan kebaikan kepada rakyat kita, rakyat Islam supaya mereka dapat menyimpan wang dan tidak lagi akan kedengaran akan datang ini wangnya hilang kerana dicuri oleh pencuri, disebabkan wangnya disimpan di dalam bantal dengan bantal-bantalnya sekali ataupun wangnya hilang kerana rumahnya terbakar oleh api atau dia simpan wangnya di celah-celah dapur rumahnya dengan dapurnya terbakar dan rumahnya terbakar, wangnya itupun habis. Jadi kita harap tidak kedengaran dan tidak terdapat pada

masa-masa yang akan datang keadaan yang seperti ini terhadap kaum bangsa kita atau umat Islam kita di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak bermaksud hendak mengkaji satu persatu atas Rang Undang-undang ini sebab saya sendiri menggalakkan Rang Undang-undang ini barangkali akan dibahas dalam Dewan ini akhir-akhir sedikit. Jadi oleh sebab Dewan kita ini laju sedikit, maka berjalanlah Rang Undang-undang ini dibawa ke Dewan sekarang ini.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang Dipertua, saya percaya dan yakin orang-orang atau mana-mana pihak yang akan mengendalikan bank ini tidak semestinya terdiri daripada orang-orang Islam sahaja. Pada pendapat saya boleh diambil pekerja-pekerja bukan daripada Islam, tinggal lagi dasar dan peraturan-peraturan hendaklah dijalankan sebagaimana yang ditetapkan oleh hukum-hukum Islam sendiri. Kalau terdapat orang-orang yang diambil bekerja iaitu orang-orang yang bukan daripada orang Islam jika terdapat, saya percaya dan saya yakin akan ada, adalah menjadi harapan yang besar kepada kita supaya mereka yang diberi peluang atau dijemput masuk bekerja di Bank Islam ini hendaklah memberikan sepenuh-penuhnya kerjasama dan sokongan. Apa yang dibimbang, apa yang dirasakan kebimbangan bagi saya oleh sebab tidak begitu ramai orang Melayu yang berkemahiran dalam banking, maka kita terpaksa kena ambil orang yang bukan daripada Islam masuk bekerja, salah-salah jalan bank itu akan diambil tindakan oleh Bank Negara. Jadi kalau pekerja-pekerja yang kita ambil itu mempunyai hasrat ataupun niatnya baik, perasaan hendak menolong memajukan bank itu ada, bukan niat dia masuk bekerja kerana hendak sabotaj atau kerana niat hendak matikan bank ini, saya percaya bank itu dapat berjalan baik. Tetapi

sebaliknya jika tidak diawasi, tidak dikawal dengan rapi mungkin juga Bank Islam kita ini tidak dapat berjalan dengan baik, jadi di sini terpulanglah kepada penubuhan bank itu nanti, terpulanglah kepada pengambilan, pemilihan pekerja-pekerja juga, jika baik, baiklah perjalanan bank itu dan adalah kita harap supaya mana-mana pihak yang hendak memohon bekerja dengan bank ini biarlah mereka merasai mereka sama-sama bertanggungjawab. Bagi kita orang Melayu dan umat Islam merasa malu jika Bank Islam yang ditubuhkan di Malaysia ini tidak dapat berjalan dengan sempurna, dengan baik, bukan malu kepada diri sendiri tetapi boleh juga malu kepada negara-negara lain. Saya katakan tadi kita ini, Malaysia ini sebuah negara yang sungguh-sungguh berani jika dibandingkan dengan negara-negara jiran kita belum ada kita dengar penubuhan Bank Islam, apa yang ada hanya di Malaysia selain daripada di tanah Arab ataupun di Saudi Arabia. Negara-negara jiran kita belum ada penubuhan bank seperti ini, apa yang ada ialah bank-bank lain.

Saya katakan jika kita tidak bercermat dalam masalah ini sebagaimana yang kita semua maklum bahawa negara Malaysia ini terdiri daripada berbilang kaum dan kita harap kaum-kaum lain juga terima, setuju meluluskan Rang Undang-undang ini dengan penuh perasaan sama-sama bertanggungjawab dan dengan hati terbuka dan dengan tidak ada sedikit pun perasaan lain daripada yang baik dalam hati jiwa mereka masing-masing. Ini saya merayu menerusi Dewan yang mulia ini kepada seluruh masyarakat, seluruh rakyat di Malaysia ini terimalah ini, setujukanlah atas penubuhan Bank Islam ini demi untuk orang Melayu dan umat Islam yang ada dalam negara Malaysia pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa itulah sedikit sebanyak ucapan saya dalam saya menyokong Rang Undang-undang Bank Islam 1982 yang ada di hadapan kita pada masa ini. Sekali lagi saya menyatakan saya berharap supaya Rang Undang-undang ini dapat diluluskan dengan penuh semangat bekerjasama di antara satu sama lain. Saya berpusing-pusing sana-sini ini saya hendak tengok juga Ahli-ahli Dewan Negara lain daripada umat Islam adakah atau tidak ada dalam Dewan ini, saya pusing-pusing sana-sini saya ternampak cuma seorang sahaja, iaitu wanita. Saya harap waktu kita hendak meluluskan Rang Undang-undang Bank Islam 1982 ini bukan sahaja Ahli-ahli Dewan Negara daripada umat Islam sahaja ada di dalam Dewan ini tetapi yang lain-lain yang ada di luar Dewan itupun saya berharap masuk ke Dewan ini kita sama-sama meluluskan demi untuk umat Islam di negara Malaysia ini.

4.23 ptg.

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:**  
Tuan Yang Dipertua, terima kasih memberi saya peluang untuk berkata sepatah dua dalam perbahasan Rang Undang-undang Akta Bank Islam 1982.

Tuan Yang Dipertua, dengan wujudnya Akta ini alhamdulillah, kita kembali ke pangkal jalan setelah beratus-ratus tahun kita telah sesat jalan mengikuti jalan yang dibawa oleh arus kebudayaan dan tamadun negara-negara Barat. Pada mulanya bank-bank diwujudkan sebagai tempat-tempat simpanan yang selamat untuk wang kepunyaan rakyat. Dengan perhimpunan wang ini institusi ini menjadi tempat kumpulan modal (capital formation), maka iapun beralih dasar kepada sumbangan modal untuk menolong peniaga-peniaga yang kekurangan modal pusingan. Dengan cara pertolongan itu institusi-institusi ini mendapat

sedikit sebanyak bahagian daripada keuntungan peniaga-peniaga. Sebahagian daripada pendapatan untung tadi institusi-institusi membahagikan pula kepada penyimpan-penyimpan wang sebagai ganjaran menggunakan wang mereka, inilah pangkal jalan. Tiap-tiap perniagaan itu ada pula yang untung, ada pula yang rugi di mana institusi-institusi ini perlu menanggung sebahagian daripada kerugian jika peniaga-peniaga itu rugi. Kerana haloba, kerana keengganan institusi-institusi ini menanggung kerugian maka timbullah praktik riba di mana tuanpunya modal menolak pembahagian secara timbangsama atas kerugian itu. Ekorannya, dari semenjak itu riba telah menjelma dengan rupa bentuk yang zalim, bermaharajalela dengan ngerinya sentiasa menganiaya seluruh masyarakat. Kezaliman ini dapat dilihat dengan terangnya di masa sekarang bila ekonomi negara sedang merosot. Titik peluh tulang empat kerat seseorang peniaga sekarang tidak dapat dinikmati olehnya atau oleh anak buahnya atau familynya, sebahagian besar daripada titik peluh mereka diperas dan dinikmati oleh bank-bank yang sepatutnya menolong peniaga-peniaga ini. Bukan sahaja orang-orang biasa ataupun peniaga-peniaga yang terperangkap oleh amalan riba ini, malah negara-negara yang sedang membangun sedang dicengkam dengan kuku besi riba ini. Sebagai Polong, riba menghisap semua kenikmatan yang diperhasilkan oleh rakyat dan kemakmuran yang diperhasilkan oleh sesebuah negara.

Tuan Yang Dipertua, sejarah menyatakan agama Allah termasuk agama-agama Allah yang terkenal sebelum Rasul kita mengutuk riba sebagai satu keburukan atau kejahatan yang menular masyarakat, malah banyak pakar-pakar ekonomi bersetuju bahawa riba adalah satu

rintangan buatan manusia menyekat perkembangan projek-projek yang menghasilkan untung yang rendah sahaja. Riba mengakibatkan kesusahan dan tiada kemungkinan untuk memula atau meneruskan sesuatu projek baru untuk kepentingan sosial masyarakat kerana kekurangan untung sungguhpun di sebaliknya susah dibanding dengan sukatan wang ringgit yang meningkat.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang ini pada hemat saya menunaikan perkhidmatan cemerlang kepada segala manusia secara menerangkan keburukan ekonomi, secara menerangkan keburukan sosial dan menerangkan keburukan kerohanian disebabkan oleh riba yang menyekat pertumbuhan projek-projek yang boleh diwujudkan di negara kita yang boleh menyumbang kebaikan sebagai mata pencarian rakyat.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Dengan cara mengharamkan riba, Bank Islam ini akan membasmi dengan sekali gus semua praktik tidak adil dan tidak saksama di dalam sektor ekonomi. Dengan keadaan kemelesetan ekonomi negara sekarang, kebutuhan menyedar kembali institusi-institusi yang telah ditinggalkan beberapa abad itu perlu diberi nafas yang baru. Untuk kebaikan negara kita sistem mendapat ganjaran dalam pertolongan modal perlu dikaji balik, bukan sahaja dari segi anutan lunas-lunas agama tetapi juga dari segi pembangunan negara dengan pertolongan secara persaudaraan. Itulah perbuatan yang kita kehendaki, pertolongan tanpa riba.

Tuan Yang Dipertua, saya berasa sedih banyak daripada cerdik pandai dan pakar ekonomi saudara-saudara Islam saya ragu-ragu dengan kemungkinan dan kebaikan Bank

Islam. Mereka memberi pandangan bahawa Bank itu tiada tempatnya dalam masyarakat perindustrian moden. Sikap ini daripada saudara-saudara Islam saya adalah menunjukkan kejahilan dan perasaan tidak peduli, atau dalam bahasa Inggeris 'ignorance and apathy' terhadap agama dan lunas asasnya. Ini adalah disebabkan mereka telah terlampau dipengaruhi oleh kebudayaan Barat. Saya tidak mengutuk mereka kerana pada pendapat saya kebebalaan mereka timbul daripada pengasuhan mereka dengan pengetahuan Barat sahaja dan pengetahuan Barat inilah dan ukuran Barat sahajalah yang mencerminkan pendapat-pendapat mereka. Dari satu tugas yang perlu dipatuhi oleh semua pelajar-pelajar dan pakar-pakar ekonomi Islam adalah mengambil langkah positif membuktikan keterangan bahawa keyakinan bank tanpa riba bukan sahaja dapat dikendalikan malah lebih berfaedah kepada rakyat dan negara pada keseluruhannya.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin memberi ingatan bahawa sesuatu bank sama ada Bank Islam atau apa-apa bank pun dan Akta ini juga tidak akan berjaya jika sekiranya semua rakyat tidak memberi sokongan dan dorongan yang penuh dalam prestasinya. Untuk meningkatkan inspirasi keyakinan awam dan kepercayaan bahawa Bank Islam boleh diwujudkan, satu faktor yang amat penting untuk kejayaan adalah pertolongan dan bantuan dari semua sudut, dari semua rakyat, dari semua badan-badan berkanun, dari semua syarikat-syarikat Kerajaan, dari semua Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Pusat. Ini dorongan dan pertolongan perlu diberi setiap masa dengan giatnya.

Tuan Yang Dipertua, kegagalan Bank Islam selepas diwujudkan nanti akan membawa akibat yang amat

buruk kepada Kerajaan dan umat Islam seluruhnya. Kegagalan ini akan merenggang kepercayaan dan keyakinan umat-umat Islam atas lunas-lunas dan prinsip-prinsip di dalam Kitab Suci dan Sunnah dan akan menguatkan lagi kritik-kritik Islam sama ada dari penulis-penulis Barat, penulis-penulis pengetahuan Barat ataupun dari umat-umat Islam sendiri; umat-umat Islam yang saya katakan umat moden, yang senantiasa pada masa ini menyerang dengan butir-butir keliruan bahawa prinsip-prinsip dan lunas-lunas Islam tidak praktikal lagi, usang dan tidak berguna di masa zaman teknologi ini.

Sebaliknya, Tuan Yang Dipertua, semua transaksi perniagaan di negara kita yang terlibat dengan pembiayaan riba perlu dihapus supaya keyakinan 100% kejayaan Bank Islam dapat dicapai secepatnya. Selagi ada pengiktirafan riba di negara kita dan tidak diharamkan dengan sekeras-kerasnya, pada hemat saya mungkin Bank Islam susah mencapai kejayaan yang dapat dipandang dengan mata kasar. Saya tidak menggesa Kerajaan mengambil tindakan serta-merta menghapuskan praktik riba ini tetapi alangkah baiknya jika kita wujudkan satu dasar sekarang di mana praktik riba di negara kita dapat dikurangkan satu persatu hingga pada tahun, katakanlah tahun 1990, di mana praktik riba dihapuskan kesemuanya.

Di samping itu, Tuan Yang Dipertua, dengan terkanunnya Akta Bank Islam ini pada pendapat saya Undang-undang Zakat perlu dikanunkan menggantikan Undang-undang Cukai Pendapatan untuk umat-umat Islam di negara ini. Alasan bahawa Undang-undang Zakat tidak mensaksamakan bayaran cukai di antara rakyat Islam dan bukan Islam di negara kita amatlah tipis. Undang-undang Kahwin dan Undang-undang Khalwat misalnya sekarang tidak disaksamakan di antara rakyat

Malaysia sama ada beragama Islam ataupun yang tidak beragama Islam. Mereka yang beragama Islam di bawah Undang-undang Perkahwinan Islam dan Khalwat Islam, mereka yang tidak beragama Islam dapat melarikan tanpa denda atau penjara oleh Kerajaan di bawah Undang-undang negara. Juga jika sekiranya seorang rakyat perlu berkahwin lebih daripada satu ia memeluk agama Islam sewenang-wenangnya, apakah salahnya jika ia memeluk agama Islam jika ia hendak membayar zakat sebagai pengganti cukai pendapatan? Serupa juga seperti memeluk agama Islam mendapat sesuatu keistimewaan seperti berkahwin lebih daripada satu.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya ingin mencadangkan bahawa Kerajaan perlu mengkaji Undang-undang Islam yang lain-lain juga untuk kepentingan rakyat umat Islam di negara kita dan Akta Zakat perlu dikanunkan sebagai pengganti cukai pendapatan untuk rakyat Islam di negara kita secepat mungkin.

Tuan Yang Dipertua, akhir kata saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang yang mulia ini.

*4.41 ptg.*

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Dipertua kerana memberi saya peluang untuk bangun menyokong Rang Undang-undang Bank Islam 1982. Saya tidak akan menyentuh berkenaan dengan ciri-ciri Bank yang dibentangkan oleh Menteri yang berkenaan tetapi saya cuba untuk bercakap akan implikasinya selepas bank ini ditubuhkan.

Tuan Yang Dipertua, kita ucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Malaysia atau Kerajaan pimpinan Dr Mahathir dan Timbalannya kerana berjaya menubuhkan sebuah Bank Islam yang

mana berjalan mengikut hukum-hukum Islam. Ini adalah harapan rakyat Malaysia yang berketurunan Islam supaya sebuah bank dapat diwujudkan di negara kita ini yang mana akhir-akhir ini seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, bahawa kita sedang bergelumang di dalam masalah riba di Malaysia ini.

Dengan adanya ini kita bersyukur kepada Allah kerana Kerajaan kita telah dapat berjaya menubuhkan bank ini, sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada Kerajaan Malaysia kita. Dengan tertubuhnya bank ini maka terlibat juga dengan ulamak-ulamak kita dalam Malaysia ini yang mana mungkin memberi fatwa-fatwa atau nasihat-nasihat kepada Kerajaan kita supaya sebuah bank yang berunsur Islam ini ditubuhkan di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa banyak lagi perkara-perkara yang terlibat di dalam riba di Malaysia ini termasuklah pajak gadai, loteri, insurans dan sebagainya. Selepas bank ini ditubuhkan dan Rang Undang-undang diluluskan, maka saya berharap kepada ulamak-ulamak yang sekarang ini ada Majlis Ulamak dapat memberi teguran kepada Kerajaan kita supaya dapat kita memperbaiki masalah-masalah yang saya sebutkan tadi, masalah-masalah kita yang bergelumang dalam riba yang kita lakukan setiap hari oleh umat Malaysia ini khasnya umat Islam di Malaysia ini.

Saya takut kalau-kalaulah ulamak-ulamak ini takut-takut pula untuk menegur Kerajaan, kerana untuk menjaga kepentingan diri masing-masing, maka ulamak-ulamak ini tidak berani untuk menasihat Kerajaan supaya masalah-masalah yang saya sebutkan tadi dapat diperbaiki mudah-mudahan kita terkeluar dari gelumang riba yang saya sebutkan tadi.

Akhir-akhir ini ulamak-ulamak kita pun telah mengeluarkan berbagai-bagai fatwa, kadang-kadang fatwa-fatwa mereka ini berlainan di antara satu dengan lain. Oleh yang demikian, umat Islam di Malaysia ini seolah-olah ikan dituba tidak tahu hendak ikut yang mana satu yang betul. Sebab itu saya menyeru kepada ulamak-ulamak khususnya Majlis Ulamak yang ditubuh oleh Kerajaan sendiri supaya menasihat Kerajaan, walaupun benda itu pahit, "katakanlah yang benar walaupun pahit". Inilah seruan saya kepada ulamak-ulamak supaya perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dapat kita mengurangkan daripada yang saya katakan bergelumang dalam riba yang kita lakukan sehari-hari.

Tuan Yang Dipertua, seperti mana yang disebutkan oleh rakan saya tadi bahawa walaupun Bank Islam ini diwujudkan ataupun akan ditubuhkan oleh Kerajaan adalah satu perkara yang baik. Walau bagaimanapun, ada setengah golongan yang telah menggunakan isu-isu termasuklah isu Bank Islam ini untuk kepentingan politik mereka. Walaupun benda ini adalah satu benda yang patut kita memberi terima kasih kepada pihak yang berkenaan yang akan menubuhkan bank ini.

Tuan Yang Dipertua, masalah Bank Islam ini pihak-pihak parti Pembangkang khususnya parti-parti yang menganggapkan mereka sebagai sebuah parti Islam telah pun mula mengguna isu Bank Islam ini untuk mengelirukan fikiran rakyat supaya rakyat dapat menyokong mereka dalam menggunakan masalah Bank Islam ini.

Oleh yang demikian, saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya memberi penerangan yang seluas-luasnya kepada masyarakat Islam khususnya supaya masalah yang dibangkitkan, yang dipergunakan oleh

parti-parti Pembangkang kita dapat diatasi. Inilah perkara yang saya sebutkan tadi iaitu apa sahaja Kerajaan kita akan buat walaupun benda itu baik tetapi diputar-belitkan oleh segolongan manusia yang menganggapkan mereka ini adalah Islam yang tulin. Inilah saya menyeru Kerajaan sekali lagi supaya penerangan yang seluas-luasnya patut diberi kepada masyarakat Islam khususnya dan juga masyarakat Malaysia amnya supaya masalah ini tidak dapat dipertikaikan lagi.

Tuan Yang Dipertua, bank ini adalah satu bank yang akan berjalan mengikut hukum-hukum ataupun lunas-lunas Islam. Kejayaan sesuatu adalah bergantung kepada pegawai-pegawai yang akan mengendalikan bank ini. Harapan kita sepenuhnya kepada pegawai-pegawai yang akan mengendalikan bank ini sama ada orang-orang yang daripada Islam ataupun yang bukan Islam mestilah berhati-hati dan pengawasan yang sewajarnya oleh pihak Kerajaan patut diadakan supaya Bank ini dapat berjalan dan harapan umat Islam yang selama ini berharap bank yang serupa ini ditubuhkan dapat wujud dengan keadaan yang sempurna dan mengikut kehendak-kehendak Islam yang mana dilaungkan oleh Kerajaan kita supaya sebuah Bank Islam diwujudkan di Malaysia ini.

Saya berharap kepada pegawai-pegawai yang mengendalikan bank ini akan dapat menolong Kerajaan mudah-mudahan imej Kerajaan akan dipandang tinggi oleh seluruh masyarakat walaupun masyarakat di luar daripada Malaysia ini. Kita berasa bangga kerana Malaysia ini adalah sebuah negara yang berbilang kaum dan saya berharap rakan-rakan lain selain daripada Islam akan dapat memberi sokongan yang sepenuhnya kepada penubuhan bank ini jauh sekalilah daripada mensabotajnya.

Seperti mana yang disebut oleh sahabat saya tadi saya berharap pegawai-pegawai yang akan mengendalikan bank ini bukan sahaja terdiri daripada orang-orang Islam tetapi juga daripada orang-orang yang bukan Islam kerana kita anggap pada hari ini kaum lain daripada Islam adalah sahabat kita yang sejati dan sebagai rakyat Malaysia yang memberi sokongan sepenuhnya kepada Kerajaan kita pada hari ini. Saya berharap dengan kerjasama daripada kawan-kawan kita yang bukan Islam, akan dapat kita wujudkan Bank Islam ini sebagai sebuah bank yang terulung, yang termasyhur di rantau Asia ini.

Sepertimana yang saya sebutkan tadi, Tuan Yang Dipertua, ada lagi masalah-masalah ataupun perkara-perkara yang kita hadapi hari-hari berlaku ataupun bergelombang dalam masalah riba itu terutama sekali iaitu berkenaan dengan pajak gadai.

Tuan Yang Dipertua, pajak gadai ini adalah sebuah bank kecil yang digunakan oleh seluruh masyarakat luar bandar. Jadi kadang-kadang termasuk sendiri alim-ulamak kita yang menggunakan "bank" ini. Oleh kerana keadaan yang mendesak, maka masalah riba itu diketepikan dulu oleh masyarakat kampung. Jadi untuk membimbing masyarakat kampung ini supaya tidak bergelombang lagi dalam masalah riba yang saya sebutkan tadi iaitu khasnya dalam pajak gadai ini saya berharap sistem pajak gadai ini patut diambil alih oleh pihak Kerajaan supaya riba ataupun faedah-faedah yang dikenakan ke atas masyarakat kampung ini dapat kita ubahkan dalam bentuk Islam. Saya berharaplah kepada pihak-pihak yang berkenaan selepas bank ini ditubuhkan patut Kerajaan memikirkan pula berkenaan sistem pajak gadai yang terdapat di seluruh Malaysia ini. Di luar bandar bank ini digunakan sebagai satu bank yang memberi layanan penuh kepada

mereka. Jadi, saya berharap dan berserulah kepada Kerajaan supaya mengkaji sedalam-dalamnya masalah pajak gadai ini.

Tuan Yang Dipertua, saya difahamkan bahawa Bank Islam ini mula-mulanya akan diwujudkan di Trengganu iaitu sebuah negeri yang mana boleh dikatakan 90% adalah terdiri daripada masyarakat Islam. Sepertimana yang disebutkan oleh rakan saya tadi walaupun Bank ini akan dimulakan di negeri Trengganu tetapi saya menyerulah kepada pihak Kerajaan setelah diwujudkan di Trengganu ini janganlah dilambatkan lagi menubuhkan bank yang berbentuk Islam ini di bandar-bandar yang lain, kerana kalau kita lambat untuk menubuhkan bank ini di negeri-negeri yang ada di Semenanjung ini, maka cita-cita kita tidak akan tercapai. Jadi saya rasa patutlah bank ini ditubuhkan di merata-rata tempat walaupun di bandar-bandar kecil supaya faedah ini dapat dirasakan oleh semua masyarakat Islam di seluruh negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya suka untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkenaan kerana menubuhkan Bank Islam ini. Selain daripada pajak gadai yang saya sebutkan yang kita lakukan sehari-hari ini terutama sekali pegawai-pegawai Kerajaanlah dan termasuk juga orang-orang luar bandar mengenai insuran ataupun pinjaman yang kita lakukan untuk membeli kenderaan dan sebagainya. Di dalam itu juga terlibat dalam masalah riba. Oleh kerana perkara ini berlaku setiap hari kita berharap sistem ini juga patut dikaji oleh pihak Kerajaan supaya perkara ini dapat kita singkirkan daripada kita mengalami masalah-masalah yang saya sebutkan tadi. Jadi sebab itulah saya katakan banyak lagi perkara-perkara yang patut kita kaji supaya harapan Kerajaan untuk menyerapkan unsur-unsur Islam dalam semua

masyarakat Islam dapat kita penuhi dengan sempurnanya. Kalaulah satu daripada 1,000 sahaja yang kita dapat laksanakan maka hasrat Kerajaan untuk menyerapkan unsur-unsur Islam di dalam jiwa masyarakat Islam saya rasa tidak tercapai dengan adanya hanya Bank Islam sahaja yang wujud di Malaysia ini. Sebab itulah saya rasa banyak lagi perkara-perkara yang kita sekarang ini sedang bergelombang, sedang mengalami masalah riba yang ada di dalam negara kita ini terutama sekali kepada umat-umat Islam.

Sekali lagi saya menyeru pihak Kerajaan supaya mengkaji perkara-perkara yang saya sebutkan tadi ini oleh kerana Bank Islam, perkataan 'Islam' ini saya gunakan, jadi selain daripada benda-benda ini banyak lagi perkara-perkara yang saya sebutkan tadi masalah loteri, tempat-tempat perjudian dan sebagainya patut dikaji. Kerana baru-baru ini pihak parti pembangkang telah menggunakan masalah Kerajaan menyekat masyarakat Islam supaya tidak dibenarkan masuk ke dalam tempat perjudian khususnya di Genting Highland. Tetapi sebab itulah sebelum Kerajaan melaksanakan pihak Kerajaan perlu memberi penerangan sepenuh-penuhnya kepada masyarakat Islam kerana golongan yang saya sebutkan tadi telah memainkan peranan untuk memesonkan fikiran umat Islam di Malaysia ini. Baru-baru ini saya difahamkan di dalam satu Majlis Maulud walaupun pada awalnya mereka ini mendesak Kerajaan supaya mengharamkan perjudian khususnya di Genting Highland dan seboleholehnya kata mereka janganlah benar orang Islam pergi ke tempat itu, mereka itu anggap Kerajaan tidak dapat menjalankan apa yang dimaksudkan itu, tetapi syukur alhamdulillah, baru-baru ini Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa orang Islam tidak dibenarkan pergi ke Genting Highland. Tetapi parti-parti

pembangkang ini menggunakan isu ini memutar-belitkan masalah ini menyatakan dengan tersekatnya umat Islam pergi ke Genting Highland, itu maka ramai lagi orang-orang Islam akan menukar menjadi bukan Islam. Ini dalam syarahan Maulud, Tuan Yang Dipertua. Jadi katanya oleh kerana orang-orang Islam itu terpaksa hendak pergi juga ke Genting Highland, maka sanggulah mereka menukar nama mereka daripada Ahmad kepada Ah Chong dan sebagainya. Inilah isu yang dimainkan oleh parti-parti pembangkang yang dianggap mereka itu sebagai satu parti yang berjiwa Islam, yang merekalah sahaja Islam menggunakan isu ini untuk memutarbelitkan masalah yang sebenarnya kepada masyarakat Islam. Jadi, sekali lagi saya menyerulah kepada pihak Kerajaan supaya masalah Bank Islam ini patutlah memberi penerangan seluas-luasnya kepada masyarakat Islam supaya tujuan Kerajaan yang diharapkan itu dapat dicapai dengan sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya rasa saya tidak akan bercakap panjang kerana untuk memberi peluang kepada rakan-rakan saya yang lain, sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang Bank Islam 1982 yang dibentangkan di depan kita pada hari ini dan saya sudah dengan ucapan terima kasih.

5.00 ptg.

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan syukur kehadiran Allah s.w.t. oleh kerana dengan izinnya maka saya telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong untuk menjadi seorang Ahli Dewan Negara yang baharu. Saya juga tidak lupa menyampaikan rasa junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta

merakamkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah sudi mengemukakan nama saya untuk diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia.

Tuan Yang Dipertua, pada hari ini saya mengambil peluang yang amat berharga ini iaitu dalam membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam. Kita semua sedia maklum bahawa Bank Islam yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan kita pada hari ini amatlah dialu-alukan bukan sahaja iaitu pada peringkat di atasan tetapi sehinggalah kepada peringkat bawahan oleh kerana terdapat bahawa nilai yang dikatakan yang akan kita perolehi daripada Bank Islam ini akan dapat memberikan penghargaan yang penuh terhadap umat Islam kita yang ada di negara kita pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam yang telah dimulakan semalam, dalam penubuhan Bank Islam ini oleh kerana Malaysia pada hari ini telah pun menjadikan Islam sebagai agama rasmi negaranya maka tidaklah ada sebab yang Bank Islam tidak boleh ditubuhkan. Ini akan menjadi satu sejarah yang amat cemerlang dalam negara kita oleh kerana sebelum ini tidaklah terlintas oleh kita bahawa Malaysia boleh atau mampu menubuhkan Bank Islam. Ramai di antara orang kita Islam yang tidak mahu menyimpan wang mereka di bank takut memakan atau menerima interest dari bank, ada orang kita yang telah menyimpan wang sepertimana yang telah diceritakan oleh rakan-rakan saya di bawah bantal, di dalam tempayan dan ini tidak selamat dan ada yang menyimpan wang mereka dalam tabung-tabung di rumah dan yang malangnya apabila dimasuki oleh pencuri maka wang tersebut akan lesap. Dengan penubuhan ini kita

telah dapat sokongan bukan sahaja dari negara kita sendiri tetapi dari negara-negara tertentu sebagai sokongan material mereka terhadap Malaysia.

Bank Islam yang dialu-alukan adalah juga memberi peluang cemerlang kepada pemaju-pemaju perumahan dan pinjaman-pinjaman yang tidak mengenakan apa-apa komisen terhadap peminjam. Selama ini pemaju-pemaju dan juga mereka yang ingin meminjam takut membuat pinjaman oleh kerana terlalu tinggi komisen dan apabila telah membuat pinjaman komisen yang tinggi adalah merupakan rasa tidak puas hati kepada mereka. Contohnya, seperti di negeri Perak iaitu Perbadanan Kerajaan Negeri telah mendirikan rumah untuk dijual, kemudian Perbadanan Kerajaan Negeri menggadaikan rumah-rumah tersebut kepada satu badan yang dinamakan MBSB (Malaysia Building Society Berhad) dan si pembeli rumah terpaksa berhutang dengan MBSB dengan bayaran bunga yang tinggi yang apabila si pembeli rumah tidak membayar selama tiga bulan berturut-turut sampailah satu surat mengatakan tempoh dalam seminggu tidak dibayar maka pihak MBSB akan menjalankan tindakan ke atas pembeli rumah. Dengan wujudnya pembeli bank ini, saya rasa bahawa si-sipembeli rumah ataupun pemaju-pemaju rumah boleh membuat pinjaman kepada pihak Bank Islam dengan tidak payah mengenakan interest dan sebagainya.

Kerajaan juga tidak payah melantik seorang wakil dari persatuan-persatuan ulamak dan sebagainya di Dewan Negara ini bahkan Kerajaan haruslah menekankan kepada persatuan-persatuan ulamak yang sentiasa menjalankan tugasnya menyampaikan hal ehwal agama kepada orang ramai dan hendaklah mereka ini menceritakan berhubung dengan apakah faedahnya Bank Islam yang ditubuhkan dalam negara kita.

Dengan sebab itu orang ramai nanti akan dapat memahami sepenuhnya hasrat Kerajaan yang dicita-citakan itu. Bagi pihak Kerajaan, saya berharap bahawa tidaklah apa daripada mengawasi mereka yang menjalankan tugas seperti tersebut, dan tugas yang harus dijalankan oleh mereka yang dilantik oleh Kerajaan, Kerajaan hendaklah berhati-hati supaya tidaklah menjadikan seolah-olah seperti telunjuk menyucuk mata. Kerajaan harus menekankan bahawa mereka ini harus mengambil berat dan menjalankan kempen memberi kepercayaan kepada orang ramai berhubung dengan Bank Islam supaya dapat menarik kepercayaan orang ramai kepada Bank Islam yang akan ditubuhkan. Jadi, dengan sebab itu, saya berharap bahawa pada masa yang akan datang ini Kerajaan tidak lagi langkah-langkah dengan mendirikan Bank Islam dan dengan ini akan tercapailah hasrat kita semua dan dengan itu bahawa Agama Islam dalam negara kita adalah dipandang tinggi dan mulia.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya mohon menamatkan perbahasan yang ringkas dalam Rang Undang-undang Bank Islam, dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang tersebut.

5.06 ptg.

**Tuan Haji Shahrom bin Maasom:**  
Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk bersama-sama turut membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam yang sekarang ini sedang dibahaskan.

Tuan Yang Dipertua, saya bersyukur kehadiran Allah s.w.t. kerana ia telah memberi hidayat dan taufik kepada pemimpin-pemimpin kita sekarang di atas rasa tanggungjawab terhadap sebahagian daripada beban berat yang telah

diamanahkan oleh rakyat kepadanya. Segolongan rakyat yang beragama Islam di dalam negara kita ini mahukan supaya hukum-hukum Islam dijalankan tahap demi tahap mengikut kemampuan kita. Dengan itu lahirnya Bank Islam ini merupakan satu cabang jihad yang besar dalam bidang ekonomi mengikut ajaran Islam. Jika kita menubuhkan Bank Islam ini dengan niat yang ikhlas insya Allah, Allah s.w.t. akan memberkati usaha ini dan akan mencapai kepada kejayaan dan menuju kepada matlamat yang dicita-citakan. Saya yakin bahawa kelahiran Bank Islam ini di masa suku abad di zaman kemerdekaan negara kita ini timbul dengan rasa tanggungjawab dan semangat cinta kepada kehendak-kehendak ajaran Agama Islam maka kepada pemimpin-pemimpin negara yang ada sekarang ini kita mengucapkan syabas kepada mereka.

Kelahiran Bank Islam belumlah terlambat. Namun demikian, jangan kita pandang ringan kepada satu golongan umat Islam di dalam negara kita ini yang mahu hukum-hukum Islam dijalankan sekali gus serentak di negara kita ini. Pertentangan pendapat kedua-dua pihak ini merupakan golongan yang pertama ialah orang-orang Islam yang menyokong Kerajaan dan memandang jauh di atas segala daya usaha Kerajaan kepada muslihat rakyat dan golongan yang kedua ialah mereka yang sentiasa menyalahkan setiap dasar dan tindak-tanduk Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, pada pendapat saya dengan wujudnya Bank Islam ini bukanlah bererti ajaran Islam baru satu ini sahaja yang dilaksanakan kerana sepertimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tatkala membentangkan Rang Undang-undang Bank Islam ini semalam mengatakan untuk menyahut seruan daripada beberapa seruan-seruan

orang-orang perseorangan, badan-badan kebajikan, seminar-seminar dan menyahut harapan orang ramai, maka dari rasa sedar dan tanggungjawab pemerintah atau Kerajaan kita maka insya-Allah Bank Islam ini akan wujud di bumi Malaysia yang tercinta ini untuk mengatasi salah satu daripada konsep sebagaimana firman Allah, dengan izin, Tuan Yang Dipertua: Baldatun toyyibatun warabbun ghaffur. Pada hakikatnya janganlah kerana desakan manusia baru hendak dilaksanakan Bank Islam ini atau kerana takut kepada cemuhan dan gertak satu-satu golongan atau parti yang melaung-laungkan perkataan "Islam" maka Bank Islam ini dizahirkan. Hendaknya mengikut apa yang sebenarnya melahirkan Bank Islam ini ialah kerana menunaikan tanggungjawab terhadap Allah, tanggungjawab terhadap perintah Allah bahawa Allah telah menentukan rezeki dan wang ringgit beberapa orang itu boleh dikumpul bersama dan diperniagakan untuk mendapatkan keuntungan, dibahagi sama sepertimana satu hadis Rasulullah s.a.w. dengan izin: Isatu asra rezki minattijarah. Sembilan per sepuluh daripada rezeki di dalam bidang perniagaan dan Allah s.w.t. ada berfirman di dalam Al-Quran (Surah An-nisa, Ayat 29) yang bermaksud: Hai orang-orang yang beriman, jangan kamu makan harta di antara kamu dengan cara yang bathil kecuali dengan cara perdagangan dengan adanya kerelaan daripada antara kamu sendiri. Inilah konsep maka bank di dalam Islam itu memang digalakkan dan memang dikehendaki tetapi oleh kerana selama ini kita memikirkan perkara ini belum perlu dan penting maka barulah setelah 25 tahun kita merdeka Bank Islam ini akan diwujudkan di negara ini. Namun demikian sekali lagi saya katakan bahawa penubuhan Bank Islam ini belumlah terlambat.

Tuan Yang Dipertua, mengikut kehendak-kehendak Islam yang sebenarnya kita tidak perlu menyebut sesuatu itu dengan nama Islam sebab kalau hendak disenaraikan mengikut kehendak Islam apa yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan kita selama memerintah setelah dipilih oleh rakyat telah banyak berbuat kebajikan untuk rakyat. Ini telah sesuai dengan ajaran Islam dan ini mengikut kehendak-kehendak Islam membuat sesuatu kebajikan untuk penduduk, untuk umat sesebuah negara, menuntut kemerdekaan, berjuang mendapatkan merdeka sehingga ditahan oleh penjajah. Ini mengikut ajaran Islam kerana Islam tidak mahu umatnya dijadikan hamba, dijadikan anak jajahan bangsa lain apa lagi oleh orang yang beragama lain, diperas, ditindas, kelayakan ekonomi negara dipungkah dibawa balik oleh bangsa penjajah tadi. Maka perjuangan orang-orang Islam, orang-orang Melayu selama ini yang mencapai kemerdekaan adalah telah menunaikan salah satu daripada perintah Islam yang maha besar. Maka sekarang ini sampai masanya kita mengisi salah satu daripada perintah Islam tadi iaitu menubuhkan Bank Islam ini adalah merupakan satu jihat yang besar dalam bidang ekonomi.

Kita bersyukur kerana kita telah merdeka. Selepas itu satu lagi kehendak di dalam Islam ialah membaguskan negara ini, membaguskan bumi Allah ini, tanah air kita ini dengan apa sahaja rancangan dan projek untuk faedah umatnya dan ini telah menjadikan wajah bumi Malaysia ini berubah daripada satu masa ke satu masa. Sejak kita ditinggalkan oleh penjajah dahulu apa yang ada kepada kami negara kita pada 31 Ogos 1957. Kalau hendak kita ceritakan panjang kesahnya tetapi memadamkan kalau dikatakan penjajah hanya meninggalkan kepada kita sebuah rumah pusaka yang sudah usang

dimakan anai-anai, anai-anai telah mengorek isi bumi kita, anai-anai telah memungkah kayu-kayan kita hingga kita merasa seolah-olah kekayaan negara kita ini telah punah sama sekali, tetapi Allah maha kaya, tidak semua kekayaan negara ini diangkut oleh penjajah sama ada penjajah politik ataupun penjajah ekonomi.

Kita nampak sekarang ini kekayaan dan khazanah negara masih banyak di dalam perut bumi negara kita dan di isi laut yang ada di sekeliling kita, di hutan rimba negara kita, mengaguskan bumi ini untuk manfaat umat mengikut ajaran Islam, setelah negara kita ini dijajah maka mengaguskan negeri ini, mengaguskan bumi ini, kalau mengikut perintah Allah di dalam Al-Quran ialah perbaikilah bumi ini dan jangan engkau buat kerosakan setelah bumi ini diperbaiki. Firman Allah dalam Al-Quran bermaksud: Janganlah engkau berbuat kerosakan di bumi Allah ini setelah bumi ini diperbaiki dari dijajah kepada merdeka, maka mengaguskan bumi ini adalah mengikut salah satu daripada perintah Allah. Perintah Allah dan perintah agama tidak cukup dengan setakat mengaguskan bumi ini kalau di dalam bidang-bidang atau cabang-cabang yang tertentu terutama di dalam bidang penyaluran kewangan, mengumpulkan wang tidak dapat disatukan terutama daripada harta milik orang-orang Islam sendiri. Sebab itu Islam satu agama menhalalkan jual beli tetapi mengharamkan riba, maka selama ini kita terlibat dengan masalah riba ini, maka dengan adanya Bank Islam ini akan terlepaslah satu daripada kesalahan besar yang telah kita subahatkan diri kita ke dalamnya, insya Allah Allah taala akan memberi petunjuk kepada kita dan memberi keringanan kepada kita kerana kealpaan kita selama ini.

Tuan Yang Dipertua, mengenai dengan perkataan "Islam" yang digunakan kepada nama bank ini, kalaulah memang itu kehendak masyarakat dan kalaulah memang itu kehendak umat Islam ada simbol nama Islam itu pada sesuatu, maka tidak salah nama itu digunakan tetapi jika sekiranya sesuatu yang bernama Islam itu tetapi akhirnya akan menerima kehancuran maka yang akan terlibat ialah kalimat Islam itu akan menerima beban fitnah akhirnya.

Tuan Yang Dipertua, selama ini pemimpin kita sejak daripada Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Yang Amat Berbahagia Tun Hussein Onn dan sampai kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa membuat sesuatu yang baik, sesuatu kebajikan kepada umat, kenapa itu tidak diberi nama atau perkataan "Islam" dihujungnya. Buat sekolah, membina bangunan sekolah, baik selaras dengan kehendak Islam; membuat jambatan menggantikan feri, baik sesuai dengan kehendak Islam; membuka rancangan-rancangan tanah FELDA, FELCRA, Tanah Berkelompok, Tanah Revolusi Hijau, baik sesuai dengan ajaran Islam; membina hospital-hospital, Klinik-klinik Desa, baik sesuai dengan kehendak Islam; membuat madrasah dan masjid lagi baik; menyalurkan saluran-saluran air ke bendang-bendang menggunakan fibre glass seperti di Tanjong Karang, Sabak Bernam, baik mengikut ajaran Islam; memberi bantuan-bantuan supaya tanaman-tanaman rakyat menjadi subur dan mengeluarkan hasil yang banyak itupun baik mengikut ajaran Islam; memberi pelajaran, biasiswa, mengadakan sekolah-sekolah menengah, memanyakkan universiti pun baik mengikut ajaran Islam; tetapi kenapa di situ tidak diberi nama Islam di hujungnya. Beri sahaja kata "Hospital Islam", "Perhentian Bas

Islam". "Rumah Penginapan Islam" supaya orang tahu bahawa yang dibuat itu adalah sesuai dengan kehendak Islam kerana orang kita mahu nama, pandang pada nama, apabila ada nama Islam maka Islamlah dia sedangkan hakikatnya agama tidak mengajar begitu, tidak mengajar pada nama, Islam mengajar kepada nilai-nilai sesuatu yang dibuat itu hasil dan manfaatnya kalau nilainya baik maka Islamlah dia iaitu mendatangkan kesejahteraan dan keselamatan kepada umat yang menerima manfaat daripada sesuatu yang dibuat itu.

Tuan Yang Dipertua, menyebut mengenai dengan nama tadi, saya percaya dengan adanya nama Bank Islam dan tidak lama lagi akan ada Universiti Islam dan tidak lama lagi nanti akan timbul insuran secara Islam, akan timbul Pajak Gadai Islam, dari segi jangka pendeknya akan dapat melepaskan beban daripada fitnah golongan umat Islam yang kedua yang mahukan kesemuanya Islam, Islam, Islam, Islam. Tetapi apakah kalau ini wujud mereka itu merasa puas hati? Apakah mereka akan berhenti menyerang Kerajaan, menyerang usaha Kerajaan, memfitnah pemimpin, memfitnah Kerajaan? Kita tahu ada yang dibuat ini yang tidak kena-mengena untuk orang Islam ditimbulkan. Tempat-tempat perjudian diberi lesen untuk bukan orang Islam supaya mereka boleh berjudi di satu tempat yang tertentu dan boleh dikawal, tetapi ini telah disalahertikan tidak ada di pintu masuk tempat perjudian itu mengatakan masuklah wahai orang Islam ikut berjudi, sedangkan Islam telah menentukan dalam Quran. Maksudnya, sudah tentu tengok nasib, judi, arak itu semua salah, daripada amalan syaitan. Tetapi oleh kerana pengetahuan, penerimaan, pemafahaman kita orang-orang Islam di negara kita ini yang datangnya agama Islam ke dalam negara kita ini melalui pedagang-pedagang daripada

Gujerat, daripada Timur Tengah melalui cara temu-bual, cara yang tidak mendalam, maka itulah kesannya yang kita terima iaitu orang-orang kita mementingkan pada nama, tidak pada isi.

Jadi apakah ada dengan nama Islam ini, saya ulangi lagi, mereka yang menentang yang mahu menggunakan kalimah Islam ini akan berpuas hatikah dia dengan wujudnya Bank Islam ini nanti? Mass-media, alat-alat sebaran am kena bekerja keras untuk menyampaikan maklumat ini seperti sebagaimana Amanah Saham Nasional (ASN) diputarbelitkan menjadi "Amanah Saham Neraka".

Ini berlaku di dalam kempen-kempen pilihanraya di kampung-kampung di mana rakyat kita tidak dapat memikirkan, nanti kalau wujud Bank Islam mereka akan bercakap ini cuma hanya pada nama sahaja, hanya pada tulisan sahaja. Apa yang berlaku kepada Tabung Haji. Mereka yang menentang itu masih menggunakan jalan lain pergi ke Mekah menunaikan haji melalui negara jiran dan apabila mereka tersadai di sana, barulah mereka meminta pertolongan kepada Kerajaan, kepada Tabung Haji. Inilah, Tuan Yang Dipertua, maka dengan ini kita kena memandang jauh kerana penggunaan nama Islam ini pada zahirnya memang boleh menjadi penawar tetapi kalau kita kaji secara mendalam, kalau kita renung dalam-dalam, kalau-kalau, kita minta dijauhkan Allah, supaya \$100 juta yang akan diberikan oleh Kerajaan kepada pelancaran Bank Islam ini kalau dijalankan oleh petugas-petugas, oleh pegawai-pegawai dengan penuh rasa jujur, penuh rasa taqwa, takut kepada Allah menjalankan ini, mereka menjalankan tugasnya jujur sama ada di hadapan manusia atau di belakang manusia, mereka jujur sama ada waktu bersendirian atau dalam mesyuarat, maka insya Allah Bank Islam ini akan

berjalan dengan baik. Tetapi kalau-kalau ditakdirkan Allah, minta dijauhkan Allah, peruntukan yang diberi itu, perjalanan bank itu, ada mereka yang pepat di luar, rencong di dalam ataupun golongan-golongan ataupun orang perseorangan yang cuba hipokrit, munafik di dalam menyokong Bank Islam di dalam melaksanakan Bank Islam ini nanti nama Islam itu yang akan cemar. Kita tahu bahawa Islam itu tinggi. Maka usaha-usaha kita menubuhkan Bank Islam ini adalah satu daripada usaha untuk meninggikan Islam itu ke tempatnya yang sebenar. Jika sekiranya berlaku seperti mana yang saya sebutkan tadi, maka cemarlah nama Islam itu nanti di mata orang ramai, terutama sekali di mata musuh-musuh Islam yang memang sengaja mencari jalan, mencari usaha untuk melemahkan Islam sama ada daripada luar ataupun daripada dalam.

Tuan Yang Dipertua, tiap-tiap yang baru dibuat, tiap-tiap yang baru ditubuhkan akan ada orang, akan ada golongan, akan ada manusia yang merasa curiga dan cemburu kerana mereka takut akan kehilangan sumber rezeki, mereka takut salah satu daripada peluang mereka akan terlepas daripada tangannya. Kepada golongan yang merasa curiga dan cemburu dengan wujudnya Bank Islam ini nanti, kita ingatkan kepada mereka bahawa Islam, bahawa agama Islam, bukanlah agama yang mengajar pengikut-pengikutnya merampas hak orang lain, bahawa Islam atau agama Islam bukanlah mengajar pengikut-pengikutnya menjadi perompak; Islam dan agama Islam bukan mengajar umatnya menindas atau membuat kacau untuk memusnahkan orang-orang lain. Islam mengajar pengikut-pengikutnya, umatnya hidup di bumi Allah ini bersama-sama, menghirup udara yang sama, berpijak di bumi yang sama, makan rezeki yang sama. Maka itulah perpaduan di kalangan umat manusia, walau daripada suku

kaum apa, bangsa apa, agama apa, memang Allah yang mencipta alam ini berkehendakkan manusia itu bersatu. Saya minta izin, Tuan Yang Dipertua, di dalam Al-Quran dalam Surah Al-Hujrat ayat 13 Allah s.w.t. berfirman: Maksudnya: Wahai manusia sesungguhnya Kami menjadikan kamu dengan perantaraan lelaki dan perempuan, serta Kami jadikan kamu bersuku-suku dan golongan-golongan, yang mana bangsa kamu tadi bersuku-suku, bergolongan-golongan supaya kamu berkenal-kenalan di antara satu sama lain, mencintai antara satu sama lain, tolong-menolong antara satu sama lain.

Maka jika sekiranya telah wujud di dalam negara ini bank-bank lain yang begitu banyak maka berilah sokongan, berilah bantuan kepada Bank Islam yang hanya satu akan wujud ini untuk memberi peluang kepada orang Islam memberi keyakinan kepada dirinya bahawa Islam mengajar umatnya maju di dalam bidang ekonomi. Tetapi kalau sengaja untuk meng sabotaj, sengaja untuk hendak menghancurkan, maka adakah pihak Kerajaan telah menyediakan payung sebelum hujan? Kalau usaha-usaha ini kedapatan ada golongan-golongan yang sengaja untuk menghancurkan, yang sengaja untuk menjahanamkan maka apakah pihak yang berkuasa telah menyiapkan satu peraturan pula, jika sekiranya terdapat dalil-dalil, bukti-bukti yang sahih bahawa ada orang-orang yang tertentu, ada golongan-golongan yang tertentu cuba hendak menghancurkan Bank Islam ini sama ada daripada dalam atau daripada luar?

Tuan Yang Dipertua, dengan wujudnya Bank Islam ini maka akan bertambah lagi ruang dan peluang dalam bidang perniagaan. Maka sebagai bank-bank perdagangan yang lain, Bank Islam ini apabila sah berjalan di negara kita ini maka

sepatutnya dibuka cawangan-cawangannya di tiap-tiap negeri, buat peringkat awal enam bulan pertama dan menjelang awal tahun 1984 pula cawangan-cawangan Bank Islam ini berada di tiap-tiap daerah kerana kita tahu masalah orang Islam hari ini, masalah orang Islam kenapa bergadai, kenapa bergolok, kenapa tanah tergadai sekalipun tanah rizab Melayu tak boleh jual, tetapi dibuat peraturan di belakang pintu kerana terdesak. Dengan adanya Bank Islam yang tidak akan mengenakan faedah ini akan memberi peluang kepada orang-orang Melayu yang kepicikan, yang kesempitan dari segi modal, selain daripada agensi-agensi Kerajaan yang telah sedia ada memberikan bantuan, maka ini satu lagi peluang yang akan memberikan keyakinan kepada umat Islam, kepada orang-orang Melayu di kampung-kampung di luar-luar bandar untuk menyalurkan masalah-masalah mereka kepada Bank Islam ini. Dengan adanya Bank Islam ini yang nanti akan diterima oleh masyarakat Melayu, masyarakat Islam Insya Allah sebanyak-sedikit penyakit-penyakit yang ada di dalam masyarakat Melayu akan dapat ditolong bantu, akan dapat diselesaikan tahap demi tahap.

Tuan Yang Dipertua, sumber penambahan rezki yang halal di sisi Islam, yang perlu ialah rasa yakin dan takwa. Saya ulangi lagi kalau Bank Islam ini boleh menambahkan perkembangan ekonomi negara kita terutama di dalam bidang pelaburan dan perniagaan dan penyimpanan yang selamat, harta orang-orang Islam dan harta orang-orang bukan Islam yang ingin dilabur, yang ingin disimpan di situ, Bank Islam ini yang perlu dan utama sekali ialah rasa penuh yakin dan takwa, para petugasnya, para penggerakannya, para pekerjanya sama ada daripada orang Islam sendiri atau daripada yang bukan Islam hendaklah ada mempunyai sikap jujur, tidak pepat di luar, rencong di dalam.

Sokongan rakyat Malaysia yang bukan Islam kepada Bank ini kelak akan melahirkan satu natijah bahawa kita ini berpadu, kita ini bersatu, kita ini bertolong bantu, kita ini setiakawan, maka slogan-slogan yang selama ini dilaungkan, bersatulah kita, ketepikan perasaan-perasaan chauvinist, ketepikanlah perasaan-perasaan perkauman, tetapi jika sekiranya Bank Islam ini berlaku sepertimana yang telah-telah lalu, ada khabar-khabar angin mengatakan satu bank akan dimonopoli oleh satu kaum, maka kaum yang lain akan mengeluarkan simpanannya daripada bank itu. Berlaku satu agensi rokok yang cuba hendak memberi peluang kepada bumiputera menjadi pengedar kompeni rokok itu diboycott 3 hari sahaja tersadai semua kereta, van yang mengedar rokok itu kerana satu kaum tidak beli. Ini yang saya khuatirkan, jadi kita kena tunjuk kepada rakyat Malaysia yang bukan Islam, kepada rakyat Malaysia yang bukan Melayu kena tunjuk, kena membuktikan keyakinan mereka bahawa perpaduan rakyat Malaysia inilah yang akan menjamin keutuhan mutlak negara kita ini, kerana Bank Islam ini sangat sensitif nanti kesudahannya.

Tuan Yang Dipertua, dengan itu saya dengan rasa ikhlas dan rasa penuh khusuk, saya menyokong Rang Undang-undang Bank Islam ini dengan ucapan selamat maju jaya dan terima kasih.

5.35 ptg.

**Tuan Abdul Razak bin Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun untuk bersama-sama bagi menyokong suatu Akta yang dinamakan Akta Bank Islam 1982 yang mana telah dibentangkan dengan huraian semalam oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dan dari semalam hingga kehari ini banyak pandangan-pandangan, nasihat yang

telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini.

Syukur kita ke hadrat Allah s.w.t. dengan limpah dan rahmatnya telah terbuktilah kepada umat Islam di negara ini yang mana kita telah cita-citakan untuk menubuhkan sebuah Bank Islam sekarang telah wujud dan telah terkabul mengikut undang-undang syarak sebagaimana yang diterangkan di dalam akidah-akidah Islam kita.

Di sini juga saya mengambil peluang mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan kita yang mana mengambil berat bukan hal segi agama Islam kita daripada satu masa ke satu masa kita menubuhkan Bank Islam, Lembaga Urusan dan Tabung Haji dan berbagai-bagai lagi bagi kepentingan umat Islam. Ini adalah dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang telah lalu dan pemimpin kita sekarang ini, Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr Mahathir Mohamad dan juga Timbalannya serta Menteri-menteri yang lain sehinggakan wujudnya bank ini tidak berapa lama lagi yang mana umat Islam akan sama-sama menjayakan akan bank ini nanti. Oleh itu, di sini juga saya rasa satu sahaja bagi umat Islam juga dengan wujudnya bank ini akan dikenang, akan dibaca akan dikaji, diingati oleh anak-anak cucu kita di masa yang akan datang.

Dalam masalah ini, Tuan Yang Dipertua, memanglah apa sahaja yang kita hendak buat kebaikan semuanya mendapat rintangan, tetapi walau bagaimanapun kita jangan putus asa, kita terus maju ke hadapan, sungguhpun apa sahaja sebagaimana saya kata yang hendak ditubuhkan umpamanya Amanah Saham Nasional yang telah wujud itupun mendapat tentang daripada golongan-golongan

yang tertentu, yang mana hasrat mereka itu tidak lain, tidak bukan hanyalah untuk memecah-belahkan kita umat-umat Melayu dan juga umat Islam dalam negara kita ini. Oleh itu, di sini saya berserulah kepada mereka yang berkenaan supaya mencari jalan bertaubat menyertai kita bersama iaitu apa yang dibuat oleh parti pemerintah kita, Barisan Nasional pada hari ini semuanya boleh dikatakan banyak mengikut unsur-unsur Islam dan sehinggakan negara-negara luar juga merasa takjub di atas kejayaan kita, sungguhpun kita hanya baru 25 tahun merdeka, jikalau dibandingkan dengan negara-negara luar yang begitu bertamaddun lama, kita telah dapat menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh negara kita yang berbilang kaum dan bangsa di dalam negara Malaysia ini. Namun negara kita juga Malaysia harum dengan adanya Musabqah Membaca Al-Quran yang kita adakan tiap-tiap tahun di dalam negara kita ini juga kalau tidak silap saya kommanwel Islam juga datangnya atau asalnya daripada negara Malaysia ini juga yang telah wujud, dan berbagai-bagai lagi yang kita telah jalankan mendapatkan sambutan umpamanya Musabqah Membaca Al-Quran telah mendapat sambutan daripada negara-negara Islam di luar negeri. Jadi dalam keadaan inilah bermacam-macam bukan Bank Islam ini sahaja wujud, tidak juga hilang tohmahan daripada golongan-golongan Islam kita sendiri sekarang ini yang mengatakan penubuhan Bank Islam ini akan merugikan orang Melayu dan berbagai-bagai lagi putar-belit yang dijalankan oleh mereka yang tidak mahu melihat kemajuan orang Islam dalam negara kita ini.

Kita tidak mahu, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana negara-negara Islam yang lain berbunuh-bunuhan, bercakaran antara satu sama lain dengan sama muka, dengan sama wajah, dengan sama agama, dengan

keturunan darah, mereka ini bercakap-cakapan dan berbunuh-bunuhan, kita tidak mahu perkara yang seumpama ini berlaku di dalam Malaysia.

Bank Islam ini memanglah sebagaimana rakan-rakan saya yang berucap lebih awal tadi sepatutnya telah wujud begitu lama tetapi memanglah pihak Kerajaan hendak berbuat sesuatu itu memikirkan untung dan baiknya bilakah masa yang sesuai, ini memang patut. Dan keadaan ini dalam masa yang begitu singkat Bank Islam dan Rang Undang-undang ini dapat dilagang kepada Akta ini satu persatu hingga yang dijadikan satu Akta ataupun Undang-undang dalam Bank Islam ini yang akan diikuti sehingga berjaya nanti.

Dalam soal ini, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana rakan-rakan saya kata tadi pihak Kerajaan patut memberi penerangan yang seluas-luasnya kepada seluruh pelusuk kampung, desa, di bandar, di luar bandar akan wujudnya Bank Islam ini. Kita tidak mahu bank ini nanti gagal dengan adanya anasir-anasir yang tidak mahu melihat kita hidup dalam keadaan yang harmoni dalam negara kita Malaysia ini. Kita tidak juga hendak ada pihak-pihak yang bukan Islam, semalam Yang Berhormat Menteri telah berucap, beliau juga telah menyarankan supaya janganlah pula kaum-kaum lain bersama-sama mensabotajkan akan perjalanan Bank Islam ini nanti.

Dalam modal yang telah dibuat pusingan atau permulaan saham-saham sebagaimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri semalam, iaitu Kerajaan telah memulakan sahamnya, begitu juga Tabung Haji, Majlis-majlis Agama Islam, PERKIM yang mana tak silap saya berjumlah \$77 juta telah pun dikumpulkan bagi memulakan perniagaan bank ini nanti. Dalam masalah ini kita berharap juga sebagaimana agensi-agensi lain yang

kita telah wujudkan kita juga berharap berkehendak bantuan-bantuan daripada negeri-negeri yang lain, umpamanya memberikan kawasan-kawasan tanah untuk dijadikan harta Bank Islam ini untuk mendapat modal kerana kita tahu dalam negeri masih banyak lagi tanah hutan, balak, lombong dan sebagainya supaya dapat diperuntukkan kepada Bank Islam ini untuk menambah modal yang sedia ada. Di samping itu juga kita berharap dengan bank ini, Kerajaan dan juga pegawai-pegawai Kerajaan, Pegawai-pegawai Tinggi Kerajaan, Ahli-ahli Yang Berhormat, Menteri-menteri dan orang-orang perseorangan, hartawan-hartawan Islam yang ada di Malaysia ini supaya mereka ini juga apabila bank ini telah ditubuhkan kita harap mereka ini menyimpan wang mereka di dalam Bank Islam ini nanti. Ini kita hendakkan orang-orang ini semua bersama-sama dengan rakyat jelata. Kita tidak hendak sebagaimana dahulu mula-mula tak silap saya kita menubuhkan Bank Bumiputera dahulu banyak juga orang-orang kita yang ragu-ragu akan wujudnya Bank Bumiputera banyak pegawai-pegawai kita sendiri tidak hendak menyimpan takut rugi, takut hilang, takut bankrap dan sebagainya. Oleh itu dalam masalah ini kita berharap orang-orang Islam dengan adanya Bank Islam ini mereka akan bersama-sama menyokong bagi menjayakan Bank Islam ini sehingga wujud sampai hari kiamat nanti.

Dalam soal yang lain, dengan adanya Bank Islam ini saya juga berharap dalam Dewan yang mulia ini kita tahu banyak cara-cara yang dijalankan di dalam negara kita ini yang mereka mengambil wang dengan faedah sebagaimana, minta maaf saya kepada Ahli-ahli dari utara kerana apa yang saya tahu, saudara saya pun ada di sana, di utara sana banyak golongan-golongan yang dinamakan "padi kunca" yang mana mereka ini termasuk juga alim-alim ulamak kalau

tak silap saya ada, boleh dibuktikan, kerana saya sendiri pun telah menyelesaikan satu masalah yang mana dengan padi kunca ini geran tanah seseorang itu diberi kepada orang yang selalu menjalankan perniagaan cara padi kunca ini, mereka memberikan wang \$5,000 ataupun \$10,000 mengikut keadaan luas tanah, selepas itu tiap-tiap tahun mereka ini mengambil hasil tanaman daripada tuan-tuan tanah yang punya sendiri dan hanya apa yang saya dapat tahu sedikit sahaja diberi kepada tuan tanah dan selainnya diambil oleh taukeh-taukeh yang mengutip cara padi kunca ini tadi. Sebagaimana saya terangkan tadi tanah yang saya sebutkan ini pada mulanya hanya \$2,000 sahaja yang dicagarkan kononnya pada tahun 1975 tetapi hingga ke tahun 1980 jumlah bunga yang dinaikkan telah menjadi \$6,000. Tanah itu hendak dituntut oleh yang punya sendiri, pihak yang memberi padi kunca tadi dia berkehendak \$6,000, kalau tidak ada \$6,000 dia tidak hendak memberikan tanah geran itu balik. Oleh itu dalam keadaan ini rasa saya banyak lagi perkara-perkara yang terjadi dalam padi kunca ini di sebelah utara sana.

Dengan adanya Bank Islam ini supaya dapat pegawai-pegawai dari Bank Islam ini nanti dapat menyelesaikan masalah-masalah yang timbul ini. Kita tahu dalam masalah ini kerana mengikut undang-undang Islam kalau kita tahu dan kita tidak mengambil tindakan, kita juga menjadi subahat dalam subahat ini kita juga berdosa. Oleh itu dalam keadaan ini dengan adanya Bank Islam ini nanti kita berharap dapat menjalankan dan dapat menebus kembali tanah-tanah yang tergedai yang mana saya katakan secara padi kunca. Sungguhpun sekarang ini pihak Bank Pertanian atau Bank Rakyat juga telah mengambil daya usaha tetapi banyak juga masalah-masalah

ini timbul lagi, ada yang tidak dapat dikesan kerana orang-orang yang memberi padi kunca ini kadangkala mereka ini juga ada kaki-kakinya untuk memberi amaran kepada orang tua-tua yang mengikut tradisi lama yang mana mengikut padi kunca ini sudah lama bercucu-cicit hingga ke hari ini, mereka inilah supaya dapat nanti cara-cara Bank Islam ini dapat menjalankan tebusan kepada tanah-tanah. Begitu juga dalam masalah-masalah nelayan dan sebagainya pun begitu juga ada terjadi dengan adanya mengambil duit dahulu, selepas itu ikan yang ditangkap ditolak mengikut bunga, faedah dan sebagainya. Ini semuanya cara-cara yang dijalankan. Dengan adanya Bank Islam ini kita berharap bukan sahaja Bank Islam ini hanya ditubuhkan sahaja tetapi kita berharap Bank Islam ini juga dapat menyelesaikan masalah-masalah yang selama hari ini dibebankan kepada rakyat kita dan juga rakyat di luar bandar yang sentiasa dianiayai oleh orang-orang tengah.

Dalam masalah yang lain, Tuan Yang Dipertua, mengenai Bank Islam ini kita juga sebagaimana Yang Berhormat yang lain mengatakan supaya Bank ini dapat berjalan dengan baik, kita tidak mahu berjalan sekerat jalan sahaja dan kita juga tidak mahu Bank ini terjejas namanya nanti, kita tidak mahu nama Islam terjejas dan kita tidak mahu juga negara Islam terjejas dengan Bank Islam yang kita wujudkan ini. Oleh itu, kita berharap kepada pegawai-pegawai atau kakitangan yang telah diamanahkan nanti supaya mereka itu menjalankan tugas dengan jujur, ikhlas dan sama-sama menjalankan amanah yang dibebankan oleh negara kita kepada mereka ini. Ini adalah bukan sahaja kita berkehendakan nikmat di dunia tetapi juga kita hendaklah nikmat diakhirat nanti. Bersama-sama kita menjalankan undang-undang Islam sebagaimana yang termaktub dalam

Undang-undang Bank Islam ini nanti supaya dapat dijalankan dengan betul dan saksama.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, saya juga mencadangkan supaya penyertaan individu juga dapat dijalankan iaitu pihak Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan di dalam negeri ini supaya mereka ini dapat menyimpan wang-wang mereka di dalam bank-bank yang kita tubuhkan ini nanti dan begitu juga kalau boleh Ketua-ketua Jabatan ini juga mengarahkan kakitangan-kakitangannya menyimpan di dalam bank sama ada dengan cara simpanan tetap, simpanan semasa ataupun simpanan cara yang lain-lain mengikut Undang-undang Bank dapat dijalankan mengikut dasar dan Akta Bank Islam ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, saya rasa dalam masalah-masalah yang lain telah pun disentuh oleh rakan-rakan saya tadi dan sebagai mengakhiri saya juga berharap sekali lagi supaya Bank Islam ini nanti berjalan dengan baik dan juga sekali lagi saya berseru kepada rakyat yang lain yang tidak mahu melihat kemajuan Bank ini supaya mereka ini buang tohmahan atau putar-belit mereka itu supaya sama-sama mewujudkan Bank Islam ini sehingga berjaya.

Oleh itu, dengan ini saya bersama-sama juga menyokong, mudah-mudahan dengan berkat Allah subhanahu wa taala dan dengan limpahNya Bank ini akan berjalan hingga ke akhir kiamat negara kita nanti. Sekian sahaja dan saya sudah sama-sama menyokong Rang Undang-undang ini.

5.54 ptg.

**Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Sabbaruddin Chik):** Tuan Yang Dipertua, sejak petang semalam ramai Ahli-ahli Yang Berhormat telah

mengambil bahagian membahaskan Rang Undang-undang Bank Islam, 1982. Ini menunjukkan betapa banyaknya minat Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terhadap perkara ini dan kita berharap penubuhan Bank Islam ini nanti akan juga mendapat sambutan yang sama hangatnya terutama sekali dari Ahli-ahli Yang Berhormat tanpa mengira keturunan dan agama.

Apabila Rang Undang-undang ini diluluskan nanti, Kerajaan akan hanya mengeluarkan satu lesen sahaja iaitu untuk menubuhkan sebuah bank sebagai permulaan dengan dimodali bersama oleh Kerajaan Malaysia dan badan-badan tertentu. Langkah permulaan ini akan disusuli dengan pembentukan berbagai-bagai badan yang lain yang akan menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan seperti insurans, malah pajak gadai dan lain-lain usaha, asalkan ianya mengikut prinsip-prinsip Islam. Tetapi badan-badan yang lain ini memerlukan kajian yang panjang dan mendalam, maka ianya terpaksa memakan masa yang agak lama.

Memang sudah menjadi hasrat Kerajaan untuk menyerapkan unsur-unsur Islam bukan sahaja dalam pentadbiran negara tetapi juga di dalam sistem ekonomi yang berjalan pada masa ini. Kelahiran Bank Islam akan merupakan petanda baik tentang penyerapan unsur Islam ini, bukan sahaja di dalam sistem kewangan negara tetapi juga di dalam sistem ekonomi.

Kita berharap Bank yang akan kita sama-sama bentuk ini bukan sahaja akan dapat memainkan peranan yang aktif dan berkesan untuk membantu mereka yang mengurus niaga dengan Bank tetapi juga akan dapat meluaskan pengaruhnya ke atas bidang ekonomi yang lain sehingga ekonomi negara kita ini akan bertukar corak untuk berlandaskan kepada hukum-hukum Islam.

Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya katakan tadi Kerajaan hanya akan mengeluarkan satu lesen sahaja untuk menubuhkan Bank mengikut apa yang telah pun dicadangkan oleh Jawatankuasa Pemandu Penubuhan Bank Islam. Kita mengambil keputusan ini adalah semata-mata kerana hendak menjaga kepentingan Bank itu sendiri. Kita mahu melihat supaya Bank ini bertapak dengan kukuh dan dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan jaya serta memberi perkhidmatan yang luas kepada semua pihak yang sanggup dan sudi melanggannya. Kita juga mengatur langkah-langkah yang difikirkan munasabah dan sesuai dalam perkembangan perkhidmatan Bank, agar pegawai-pegawai yang berkhidmat di situ akan dapat bukan sahaja menguasai cara-cara Bank ini hendak diuruskan tetapi juga membuat hubungan dengan baik dengan semua pelanggan tidak kira latar belakang dan agama pelanggan-pelanggan berkenaan.

Kita harap dengan cara ini Bank ini akan menjelma di tengah-tengah masyarakat kita sebagai sebuah Bank yang utama yang akan dipandang tinggi oleh seluruh rakyat sebagai Bank yang benar-benar boleh memberi khidmat di samping menjalankan urusniaga mengikut hukum-hukum Islam. Dengan cara itu saya rasa kita akan berjaya. Tidak semestinya modal itu jadi lebih besar daripada bank-bank yang lain yang wujud di tanah air tetapi kejayaan kita menggunakan prinsip-prinsip Islam pada menjalankan operasi bank ini adalah satu kejayaan yang lebih besar daripada kejayaan-kejayaan dari segi sais dan sebagainya. Ini akan mendorong perjuangan Islam umat Melayu yang lain untuk mempercepatkan perubahan-perubahan yang ada di dalam sistem ekonomi kita yang berdasarkan kepada sistem barat yang telah pun

diwarisi kepada kita sejak zaman penjajahan dahulu lagi.

Tuan Yang Dipertua, di sini saya suka juga memberi pandangan di atas dua tiga perkara yang telah dikemukakan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai Rang Undang-undang Bank Islam ini. Satu daripada yang menarik dan perlu agak saya diberi sedikit penjelasan ialah mengenai rangkaian kata mengikut Islam seperti yang telah disebutkan pada mula-mula perbahasan tadi.

Mengikut pandangan kami ini bererti mengikut syariah Islam ataupun perkara yang mengenai syariah dalam Bank Islam akan dapat diputuskan oleh Majlis Pengawasan Syariah yang mana ahli-ahlinya akan dilantik dari ulamak-ulamak rakyat Malaysia sendiri. Oleh yang demikian maka wajarlah keputusan-keputusan yang akan diambil oleh Majlis itu akan berlandaskan kepada amalan hukum-hukum Islam di negara ini iaitu mengikut "alsunnah waljamaah".

Satu lagi perkara yang telah dikemukakan ialah mengenai kuasa Majlis Pengawasan Syariah. Majlis Pengawasan Syariah mempunyai kuasa penuh dalam perkara-perkara yang bersangkutan dengan syariah maka dapatlah kita menggambarkan bahawa di dalam menjalankan tugas-tugasnya Majlis ini akan memeriksa semua aspek-aspek sistem operasi bank, semua aspek amalannya dan semua aspek perjalanannya untuk menjamin supaya perjalanan bank ini akan mengikut lunas-lunas syariah.

Dalam menjalankan tugasnya ini Majlis ini bolehlah jika difikirkan wajar mengikut cara audit iaitu dengan memilih sampel-sampel akaun bank dan memeriksa akaun tersebut dari segi kepatuhannya kepada dasar-dasar syariah seperti yang telah ditetapkan oleh Majlis.

Tuan Yang Dipertua, apabila bank ini telah bertapak dengan kukuh dan telah dapat memberi khidmat dengan luas kepada seluruh rakyat, maka ianya akan menubuhkan pula rangkaian cawangan-cawangannya untuk menyampaikan khidmat kepada semua pihak dan dengan izin Allah Subhanahu wa ta'ala, dan sekiranya didapati sesuai untuk membuat hubungan dengan pihak Bank-bank Islam yang lain di negara-negara Islam yang lain termasuklah Bank Pembangunan Islam yang beribu pejabat di Jeddah, maka bank ini sudah tentu akan membuat hubungan bagi mendapatkan kerjasama yang lebih baik daripada badan-badan itu. Malah kita berharap satu hari nanti inisiatif akan diambil oleh individu-individu secara bersyarikat dan berkongsi untuk menubuh Bank Islamnya secara bersendirian untuk menandingi Bank Islam yang akan dicadangkan oleh Kerajaan pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, Bank Islam sudah pun mengambil masa yang agak lama sebelum ianya dapat ditubuhkan. Kita telah mengambil masa lama dan panjang oleh kerana kita perlu mengkaji dengan mendalam tentang susunan operasi bank ini dan tentang sambutan terhadap bank ini oleh rakyat sekalian. Tiap-tiap yang baru sudah tentu akan menimbulkan berbagai pertanyaan dan buruk sangka maka itu kita tidak mahu bank ini ditubuhkan atau dibentuk secara tergesa-gesa sehingga menggagalkan usaha-usaha yang dijalankan oleh kita. Itulah sebabnya maka masa yang telah lama terpaksa digunakan tetapi sungguhpun demikian, pada hari ini kita berasa puas hati kerana dengan Allah Subhanahu wata'ala bukan sahaja Dewan ini akan meluluskan Rang Undang-undang Bank Islam tetapi ianya membolehkan kita meneruskan usaha membentuk bank

ini sebagaimana yang diharapkan oleh seluruh umat Malaysia berdasarkan kepada konsep Islamiah.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa tidaklah perlu saya membuat ulasan panjang lebar tentang penerangan yang perlu dibuat oleh Kerajaan, kerana saya percaya dan yakin Kerajaan akan menggunakan setiap jabatan dan setiap badan yang difikirkan sesuai untuk menyampaikan penerangan mengenai pembentukan bank ini seperti juga kempen-kempen lain, Amanah Saham Nasional dan sebagainya.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja ulasan yang saya fikir perlu dan saya harap ini telah merangkumi semua pandangan-pandangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan dan perbahasan Rang Undang-undang Bank Islam ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk merayu kepada seluruh rakyat negara ini supaya memberi sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Bank Islam yang hendak dilahirkan pada pertengahan tahun ini. Insya Allah dengan sokongan dari semua pihak dan dengan bantuan daripada pihak-pihak tertentu, maka bank ini bukan sahaja akan melahirkan satu badan kewangan di negara kita ini tetapi ianya akan menjadi permulaan terhadap perhubungan perubahan kepada sistem kewangan yang ada di negara kita pada hari ini.

**Tuan Yang Dipertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 30—*

*6.10 ptg.*

**Dato' Haji Mohd. Nor Mohamad:** Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan sedikit-sedikit perkara berkaitan dengan Fasal-fasal 1 hingga 30.

Perkara yang pertama berkaitan dengan Fasal No. 3.

Fasal 3, subseksyen 5 (b), Tuan Pengerusi, sungguhpun perkara ini telah dibangkitkan di dalam perbahasan am tadi tetapi perkara ini perlu dihalusi dan saya ingin tahu bagaimana kedudukan Kerajaan di dalam Seksyen 3, subseksyen 5 (b). Saya bacakan, Tuan Pengerusi.

(5) Bank Negara tidak boleh mengesyorkan pemberian lesen, dan Menteri tidak boleh memberi suatu lesen, melainkan Bank Negara atau Menteri, mengikut mana yang berkenaan, berpuas hati—

(a) x x x x x x x x x x

(b) bahawa ada terdapat, dalam artikel persatuan bank yang berkenaan, peruntukan bagi penubuhan suatu badan penasihat Syariah untuk menasihatkan bank mengenai pengendalian perniagaan banknya untuk menjamin ianya tidak

melibatkan apa-apa elemen yang tidak diluluskan oleh Agama Islam.

Ulasan saya di dalam Seksyen 3, subseksyen 5 (b) ini, siapakah yang layak menjadi anggota badan ini. Yang keduanya, perlukah tiap-tiap Bank Islam yang dibentuk itu mesti ada suatu badan penasihat Syariah untuk tiap-tiap bank yang akan diwujudkan. Sungguhpun penerangan Menteri tadi menyatakan bahawa cuma satu Bank Islam akan diwujudkan tetapi di dalam Undang-undang ini tidak menyatakan bahawa satu Bank Islam sahaja yang akan diwujudkan. Undang-undang ini dibuat secara umum sebanyak mana Bank Islam yang akan dilulus boleh diwujudkan. Dengan itu pertanyaan saya patutkah tiap-tiap satu Bank Islam itu mengadakan satu badan penasihat Sayriah untuk bank itu. Jika ada bagaimana kedudukannya jikalau suatu badan mentafsirkan satu-satu masalah dengan cara lain dan suatu badan penasihat untuk bank yang lain mentafsirkan perkara ini dengan makna yang lain. Kedudukan ini akan bertelingkah patutkah di bawah Undang-undang ini tiap-tiap satu articles of association atau artikel persatuan bank yang berkenaan memperuntukkan suatu badan penasihat untuk bank itu.

Jadi pada pendapat saya elok juga jikalau kita adakan badan penasihat Syariah ini bukan untuk tiap-tiap bank Islam. Sepatutnya diadakan atau diwujudkan di dalam Central Bank atau Bank Negara di mana cuma satu badan penasihat sahaja. Apa tafsiran daripada satu badan penasihat ini adalah tafsiran yang tentu tidak boleh lagi ditelingkah oleh badan-badan yang lain. Itu cadangan saya dan pandangan saya di dalam Seksyen 3, subseksyen 5 (b). Juga dalam tugas badan penasihat Syariah ini jika seperti guru agama saya, Yang Berhormat Dato' Haji Mahmoud

Salim, tadi menceritakan jika badan ini cuma duduk di situ sahaja apakah gunanya atau tugas-tugasnya menasihati bank jikalau masalah-masalah tidak dibawa kepada badan itu. Jikalau bank-bank ini dikendalikan oleh orang-orang yang kurang berfahaman agama, tidak ada masalah, jadi badan ini tidak ada kerja kerana masalah tidak dilanjutkan kepada mereka. Yang sepatutnya pada pendapat saya seorang ahli agama patut duduk di dalam Lembaga Pengarah. Semua rumusan-rumusan, resolusi-resolusi Lembaga Pengarah ia mengetahuinya dan ia akan memberi butir-butir fikirannya dan jika butir-butir fikirannya tidak juga diterima oleh Lembaga Pengarah itu, maka masalah itu perlu dilanjutkan ke badan penasihat Syariah ini. Jikalau tidak ada seorang ahli agama di dalam Lembaga Pengarah pada pendapat saya, badan penasihat Syariah ini menjadi sebagai tunggul kayu sahaja tidak ada orang hendak merujuk sesuatu masalah yang ditemui semasa dijalankan perniagaan bank.

Tuan Pengerusi, saya ingin beralih pula kepada Seksyen 4 (2) yang menyebut di sini—saya baca cuma kata-kata yang saya hendak sebutkan sahaja. Baiklah, saya baca semua, Tuan Pengerusi.

“Seksyen 4 (2):

Menteri hendaklah, sebelum mengambil apa-apa tindakan di bawah subseksyen (1), memberi tahu secara bertulis tujuannya hendak mengambil tindakan itu kepada bank Islam yang berkenaan dan hendaklah memberi bank itu suatu peluang untuk mengemukakan dalam suatu tempoh, tidak kurang daripada empat belas hari, sebagaimana yang dinyatakan dalam pemberitahuan itu sebab-sebab mengapa syarat lesen itu tidak patut diubah atau dibatalkan. . . .”

Perkara yang saya perlu tarik perhatian adalah “sebab-sebab mengapa syarat lesen itu tidak patut diubah dan dibatalkan” Pada pendapat saya, Undang-undang ini kurang baik daripada dasarnya. Terlalu banyak undang-undang sekarang memberi kesalahan atau pesalah memberi sebab-sebab mengapa ia salah. Bukan Kerajaan menyatakan awak salah, awak akan didenda, inilah dendanya awak mesti membela diri awak. Undang-undang ini mengatakan awak salah, sila sebutkan mengapa awak ini tidak perlu dihukum. Jadi Undang-undang ini terbalik, Tuan Pengerusi, menyatakan semua orang salah. Sila beri keterangan kenapa awak tidak salah. Begitu pandangan saya the reason why you should not be cancelled, or you should not be dismissed, or you should not be imprisoned. Apa makna Undang-undang ini. Undang-undang ini mengatakan awak salah saya hendak menghukum awak, awak mesti defence. Jadi perkataan ini memberi kewajipan di atas orang yang didakwa salah mengatakan mengapa dia tidak salah. Jadi Undang-undang ini pada pendapat saya adalah kurang baik.

Saya juga ingin merujuk kepada Seksyen 8 (1) berkata:

Tertakluk kepada subseksyen (2), tiap-tiap bank Islam boleh mengadakan pertalian bank koresponden dengan mana-mana bank di luar Malaysia.

Pertanyaan saya begini, Tuan Pengerusi, bila transaksi bank di antara satu sama lain hakikat riba akan timbul. Adakah ini bermakna bila kita ada koresponden dengan bank-bank luar negeri—luar Malaysia yang disebutkan di sini—bahawa perkara riba akan timbul di dalam transaksi itu. Ini saya perlu penerangan.

Tuan Pengerusi, Seksyen 11 (2) juga ada menyebutkan di hujung Fasal itu "sebab-sebab mengapa lesen itu tidak patut dibatalkan". Seperti saya sebutkan tadi, Undang-undang ini tidak baik, Undang-undang memerlukan yang tidak salah mengatakan awak salah, sila sebutkan mengapa awak tidak boleh dihukum. Ini juga pada pendapat saya tidak baik, Tuan Pengerusi.

Daripada situ, saya ingin menarik perhatian, Tuan Pengerusi, kepada Seksyen 15 (1) Tiap-tiap bank Islam:

(a) x x x x x x x x x

(b) sebelum apa-apa dividen diisytiharkan hendaklah memindahkan kepada kumpulan wang rizab daripada keuntungan bersih tiap-tiap satu tahun, selepas peruntukan yang sepatutnya diadakan untuk zakat atau cukai.

Perkara ini amat terang, Tuan Pengerusi, sama ada Bank Islam membayar zakat atau cukai bukan zakat dan cukai. Jadi, saya ingin tahu sama ada bank ini akan membayar zakat sahaja dan habis, atau cukai tidak lagi timbul, atau akan membayar cukai dan tidak perlu membayar zakat. Jikalau begitu siapakah yang hendak menanggung dosa jika zakat tidak dibayar. Itu pertanyaan saya, Tuan Pengerusi.

Saya ingin daripada situ beralih kepada Seksyen 19 (2) menyatakan: Kecuali bagi maksud-maksud paragraf (d) subseksyen (1), apa-apa maklumat yang diterima daripada sesuatu bank di bawah seksyen ini hendaklah disifatkan sebagai rahsia antara bank itu dan Bank Negara.

Kedudukan ini, Tuan Pengerusi, saya kurang faham, apakah faedahnya bahawa kredit tiap-tiap pelanggan

bank itu perlu dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia. Saya faham jika ada pelanggan-pelanggan yang kurang jujur bahawa menggunakan wang overdraft, jikalau ada overdraft, dengan melebihi ataupun kelakuannya tidak baik tetapi pelanggan-pelanggan ini telah pun diperiksa oleh juru audit dan juga diperiksa oleh Merinyu (Inspector) Bank Negara dalam laporan yang penuh telah pun dihantar kepada Lembaga Pengarah dan dihantar kepada Bank Negara berkaitan dengan ini. Jadi, pada pendapat saya cuma mereka yang kurang jujur dan yang kurang baik dalam tauladannya menyimpan akaun di dalam Bank Islam ini perlu diambil tindakan dan perlu diketahui oleh Bank Negara Malaysia. Tetapi Undang-undang 19 (2) ini yang merujuk kepada 19 (1) (d) mengatakan semua akaun pelanggan-pelanggan perlu dihantar. Ini pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, menyentuh hak asasi tiap-tiap seorang rakyat seperti juga seseorang itu melihat apa di dalam saku saya ataupun apa di dalam beg wang saya. Ini satu perkara yang tidak baik. Saya harap perkara ini tidak semua dokumen pelanggan-pelanggan Bank Islam itu dihantar kepada Bank Negara seperti satu dokumen dan dokumen ini dapat diperhatikan oleh semua pekerja-pekerja sama ada di Bank Islam ini yang membuat laporan itu, ataupun pekerja-pekerja di Bank Negara yang melihat laporan itu.

Saya tidak setuju dan saya tidak rela jikalau akaun saya baik, saya tidak jahat, akaun saya itu ditengok oleh orang-orang yang lain. Itu rahsia saya, bukan untuk makluman ramai.

Tuan Pengerusi, daripada situ saya beranjak pula kepada Seksyen 24 (1). Di sini, Tuan Pengerusi, saya kurang

faham peruntukan ini. Saya ingin bacakan:

24. (1) Tiada sesuatu bank Islam boleh—

(a) x x x x x x x x x x

(b) x x x x x x x x x x

“(c) memberi pendahuluan tak bercagar, pinjaman tak bercagar atau kemudahan kredit tak bercagar lebih daripada sepuluh ribu ringgit pada agregatnya dan belum dijelaskan pada mana-mana satu masa kepada mana-mana perbadanan yang disifatkan sebagai berkaitan dengan bank itu sebagaimana diperihalkan dalam seksyen 6 Akta Syarikat 1965, lain daripada sesuatu bank Islam, sesuatu bank berlesen di bawah Akta Bank 1973, sesuatu syarikat kewangan yang diberi lesen di bawah Akta Syarikat Kewangan 1969, atau mana-mana institusi kewangan lain yang diluluskan oleh Bank Negara”.

Saya ingin menarik perhatian, Tuan Pengerusi, di sini bahawa kedudukan ini pada mata kasar saya bermakna Bank Islam ini tidak boleh memberi pendahuluan kepada anak-anak syarikatnya ataupun syarikat-syarikat yang berwaris dengannya. Bermakna Bank Islam ini tidak boleh memberi pendahuluan tanpa cagaran kepada subsidiary atau associated companynya, ini dikatakan di sini. Apakah jadi jika sekiranya Bank Islam ini ada satu subsidiary property company dia tidak boleh meminjamkan wang kepada anak syarikatnya untuk membeli tanah selain daripada sebanyak yang saya sebutkan tadi \$10,000. Apa dapat dibeli dengan \$10,000, Tuan Pengerusi? Ini pertanyaan saya sama ada seksyen ini perlu atau tidak perlu atau menjadi satu rintangan untuk Bank Islam berjalan dengan cergas.

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat, masa sudah 6.30 petang.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang Dipertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*